

BAB IV

**ANALISIS PELAKSANAAN PEMILIHAN PEMIMPI DI KABUPATEN
BERAU, KALIMANTAN TIMUR, INDONESIA PADA TAHUN 2010:
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

4.1 Pengenalan

Sejak dilaksanakannya Undang-undang No. 32 Tahun 2004 tentang Pemerintahan Daerah yang berkaitan dengan pemilihan pemimpin daerah. Kabupaten Berau telah melaksanakan pemilihan pemimpin Kabupaten Berau sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2005 dan tahun 2010. Pada tahun 2005 Undang-undang No. 32 Tahun 2004 tentang Pemerintahan Daerah, pasangan calon yang boleh mendaftar sebagai peserta pemilihan pemimpin daerah adalah pasangan calon yang disokong oleh parti politik atau gabungan parti politik sahaja dengan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Undang-undang 32 tahun 2004.¹ Adapun pada tahun 2008 Undang-undang No. 32 Tahun 2004 telah direvisi dengan Undang-undang No. 12 tahun 2008 tentang perubahan kedua atas Undang-undang No 32 Tahun 2004 tentang pemerintahan daerah, sehingga pasangan calon yang boleh mendaftar tidak hanya daripada parti politik atau gabungan parti politik akan tetapi pasangan calon perseorangan boleh mendaftarkan diri dengan melengkapi syarat yang disyaratkan Undang-undang tersebut.²

Dalam Bab 4 (empat) ini pengkaji akan mengkaji tentang pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2010, kemudian akan menganalisis data dan maklumat yang diperolehi dengan

¹ Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-undang No. 32 Tahun 2004 Tentang Pemerintahan Daerah Pasal 59

² Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-undang No. 12 Tahun 2004 Tentang perubahan kedua atas Undang-undang No. 32 Tahun 2004 tentang pemerintahan daerah pasal 59

menghadirkan perspektif Islam. Untuk boleh memperoleh data dan maklumat yang lengkap, pengkaji akan menjelaskan kondisi objektif Kabupaten Berau yang meliputi keadaan geografi, penduduk, sosial serta agama di Kabupaten Berau. Pengkaji pula akan menjelaskan tentang tahap persiapan, pelaksanaan dan penetapan pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010 yang diperoleh daripada hasil temu bual dan Undang-undang serta keputusan KPUD Kab. Berau berkaitan dengan pemilihan pemimpin Kabupaten Berau tahun 2010. Data dan maklumat yang diperoleh pengkaji kemudian dianalisis dengan menghadirkan pandangan / perspektif Islam.

4.2 Kondisi Objektif Daerah Kabupaten Berau

Untuk memperoleh data dan maklumat yang lengkap tentang kondisi objektif Kabupaten Berau, pengkaji akan memaparkan kondisi objektif daerah Kabupaten Berau dengan menjelaskan kondisi Kabupaten Berau daripada segi Geografi, Penduduk, Sosial Masyarakat, Agama dan Pemerintahannya.

4.2.1 Geografi³

Kabupaten Berau terletak di bahagian utara Propinsi Kalimantan Timur dengan luas wilayah 34 127 km² yang meliputi luas daratan dan lautan. Letak daerah ini berada tidak jauh daripada Garis Khatulistiwa dengan posisi berada antara 116° sampai dengan 119° Bujur Timur dan 1° sampai dengan 2°33' Lintang Utara. Dibahagian utara berbatasan dengan Kabupaten Bulungan, dibahagian timur berbatasan dengan laut Sulawesi, bahagian selatan berbatan dengan Kabupaten Kutai

³ Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau (2010), *Berau Dalam Angka*, Berau: BPS Kab. Berau, h. 3-8

Timur (Sangata), manakala di bahagian barat pula berbatasan dengan Kabupaten Malinau, Kutai Barat dan Kutai Karta Negara.

Pada tahun 2002 Kabupaten Berau terdiri atas 9 kecamatan dengan jumlah desa sebanyak 91 desa dan 7 kelurahan. Sedangkan pada tahun 2004 terjadi penambahan 2 kecamatan baru yang merupakan pemekaran daripada kecamatan lama, iaitu Kecamatan Maratua dan Kecamatan Tubaan. Pada tahun 2005 terjadi lagi pemekaran 2 kecamatan iaitu Kecamatan Biatan dan Kecamatan Batu Putih. Sampai dengan tahun 2009 jumlah kecamatan di kabupaten Berau sebanyak 13 Kecamatan dengan 97 desa, 10 kelurahan dan 2 UPT⁴.

Keadaan Topografi Kabupaten Berau bervariasi berdasarkan bentuk relief, kemiringan lereng dan ketinggian daripada permukaan laut. Wilayah daratan tidak terlepas daripada gugusan bukit dan perbukitan yang terhampar di seluruh wilayah kecamatan. Berbagai model hutan utama yang biasanya terdapat di Pulau Kalimantan, terdapat di Kabupaten Berau. Hutan bakau, hutan rawa dan rawa gambut dijumpai di sepanjang pesisir dan muara sungai Berau. Hutan dipterokarpa dataran rendah tersebar dan bercampur dengan hutan kerangas dan hutan kapur dataran rendah. Di atas ketinggian 1000 m di atas permukaan laut. Hutan dipterokarpa digantikan oleh hutan pegunungan rendah dan pada puncak tertinggi gunung mantan (2.457 m diatas permukaan laut) terdapat hutan yang selalu diliputi awan.

Di Kabupaten Berau terdapat hutan kapur dataran rendah yang kondisinya masih sangat baik dan yang tersebar di Indonesia Timur. Di samping dikenal sebagai pusat keragaman hayati, hutan kapur merupakan daerah tangkapan air yang penting bahagi Kabupaten Berau. Selanjutnya di Kecamatan Talisayan terdapat banyak

⁴ UPT adalah singkatan daripada daripada Unit Pelaksana Teknis, unit ini setara dengan posisi pemerintahan tingkat kampung tugas dan fungsinya akan tetapi UPT bertugas di kampung yang dibuka kerajaan diperuntukkan orang transmigrasi.

daerah perbukitan, yang tertinggi di kenal dengan nama Bukit Padai. Seramai 7 danau dengan berbagai ukuran, berada di wilayah kabupaten Berau dengan luas keseluruhan mencapai 15 Ha.

Sungai Kelay merupakan sungai terpanjang di Kabupaten Berau. Mengalir daripada pegunungan Mantam, sepanjang 254 kilometer sampai dengan pertemuan dengan Sungai Segah membentuk Sungai Berau di Tanjung Redeb. Sungai Segah sendiri panjangnya sekitar 152 kilometer. Hulu sungai berada di sekitar Gunung Kundas. Di daerah Aliran Sungai dan hulu Sungai kelay terdapat hutan primer dataran rendah yang luas, dan yang masih tersisa di Kalimantan. Hutan ini merupakan ekosistem daratan yang paling beragam di dunia. di daerah aliran sungai Kelay terdapat 11 jenis primata termasuk Orangutan dan Bekantan yang terancam punah.

Daerah pesisir Kabupaten Berau terletak di Kecamatan Talisayan, Biduk-biduk dan Pulau Derawan serta Maratua. Khusus Kecamatan Pulau Derawan dan Maratua terkenal sebagai daerah tujuan wisata dunia, pantai dan lautnya memiliki panorama yang sangat indah dan terdapat beberapa gugusan pulau tempat penyu bertelur.

4.2.2 Penduduk/Population

Untuk memperoleh data dan maklumat daripada penduduk di Kabupaten Berau secara menyeluruh, pengkaji menghadirkan beberapa jadual daripada Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau tahun 2010.

Jadual 4.1
Laju Pertumbuhan Penduduk
Tahun 1999-2009

Tahun	Jumlah Penduduk	Laju Pertumbuhan
1999	109,366	2,03 %
2000	118,096	7,98 %
2001	125,571	6,33 %
2002	131,059	4,37 %
2003	136,628	4,66 %
2004	146,451	6,85 %
2005	157,453	7,51 %
2006	160,399	1,87 %
2007	164,501	2,56 %
2008	168,741	2,58 %
2009	174,661	3,51 %

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau

Data dan maklumat di atas dipahamkan bahawa perkembangan penduduk selalu terjadi di suatu daerah tak ubahnya Kabupaten Berau. Perkembangan terjadi melalui kelahiran, kematian, datang dan pindah (migrasi) yang disebut perpindahan penduduk, yang terjadi di Kabupaten Berau menurut data tentang perpindahan penduduk perkembangan terbanyak iaitu penduduk yang datang dan diikuti oleh kelahiran. Jadi rata-rata pertumbuhan 5 tahun terakhir daripada tahun 2004 s/d tahun 2009 adalah 3,51%. Pertumbuhan terbesar adalah tahun 2005, sebesar 7,51% yang disebabkan oleh ramainya pelaburan dibidang sumberdaya alam iaitu sektor kehutanan dan lombong terutama batu bara.

Jadual 4.2
Penduduk Menurut Jenis Jantina Dan Rasio Jenis Jantina
Tahun 2009

Kecamatan	Penduduk			Sex Rasio
	Laki-laki	Perempuan	Jumlah	
Kelay	2,659	2,091	4,750	127.16
Talisayan	5,317	4,326	9,643	122.90
Tabalar	3,039	2,502	5,559	120.50
Biduk-Biduk	3,037	2,776	5,813	109.40
Pulau Derawan	4,584	3,849	8,433	119.10
Maratua	1,645	1,521	3,166	108.15
Sambaliung	13,167	11,067	24,234	118.98
Tanjung Redeb	31,564	27,706	59,270	113.92
Gunung Tabur	8,440	6,818	15,258	123.79
Segah	4,656	3,568	8,224	130.49
Teluk Bayur	10,136	8,731	19,047	118.15
Batu Putih	3,492	2,885	6,337	121.04
Biatan	2,688	2,199	4,887	122.24
2009	94,604	80,057	174,661	118.17

2008	92,680	76,061	168,741	121,85
2007	90,419	74,082	164,501	122,05
2006	88,103	72,296	160,399	121,86
2005	86,553	70,900	157,453	122,08
2004	80,521	65,930	146,451	122,13

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau

Data dan maklumat tersebut di atas bahawa ciri khas penduduk Kabupaten Berau boleh dilihat daripada Angka nisbah jantina huraian (*sex ratio*), iaitu perbandingan antara jumlah penduduk laki-laki dan penduduk perempuan. Nisbah jantina huraian (*sex ratio*) pada tahun 2006 sebesar 121,86 dan pada tahun 2007 nisbah jantina huraianya (*sex ratio*) sebesar 122,05, tahun 2008 sebesar 121, 85 dan tahun 2009 sebesar 118,17. Angka ini menunjukkan bahawa pada 100 orang penduduk perempuan akan terdapat 118 penduduk laki-laki.

Jadual 4.3
Penduduk, Rumah Tangga Dan Kepadatan Penduduk
Tahun 2009

Kecamatan	Rumah Tangga	Penduduk	Luas Wilayah	Kepadatan	
				Pend/RT	Pend/Km ²
Kelay	1,262	4,750	6.134,60	3,76	0,77
Talisayan	2,357	9,643	1.798,00	4,09	5,36
Tabalar	1,241	5,559	2.373,45	4,48	2,34
Biduk-Biduk	1,245	5,813	3.002,99	4,67	1,94
Pulau Derawan	1,764	8,433	3.858,96	4,78	2,18
Maratua	650	3,166	4.118,80	4,87	0,77
Sambaliung	5,855	24,234	2.403,86	4,14	10,08
Tanjung Redeb	13,413	59,270	23,76	4,42	2.494,53
Gunung Tabur	3,373	15,528	1.987,02	4,52	7,68
Segah	1,915	8,224	5.166,40	4,29	1,59
Teluk Bayur	4,737	19,047	175,70	4,02	108,41
Batu Putih	1,724	6,377	1.651,42	3,70	3,86
Biatan	1,217	4,887	1.432,04	4,02	3,41
	40,753	174,661	34.127,00	4,29	5,12

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau

Data dan maklumat di atas dipahamkan bahawa tingkat kepadatan penduduk tiap Kecamatan di Kabupaten Berau sangat berbeza. Hal ini kerana tidak meratanya penyebaran penduduk. Daerah pedalaman yang memiliki luas wilayah yang besar hanya diduduki oleh sedikit penduduk. Kecamatan Kelay memiliki tingkat kepadatan

0,77 jiwa/Km² dan Kecamatan Maratua sebesar 0,77 jiwa/Km². Sedangkan kepadatan tertinggi berada di Kecamatan Tanjung Redeb seramai 2.494,53 jiwa/Km². hal ini kerana Kecamatan Tanjung Redeb merupakan pusat bandar Kabupaten Berau dimana sarana dan prasarana kehidupan cenderung lebih lengkap. Kecamatan lain yang memiliki kepadatan yang cukup tinggi adalah kecamatan Teluk Bayur seramai 108,41 jiwa/Km².

Jadual 4.4
Laju Pertumbuhan Penduduk Tahun 1999-2009

Tahun	Jumlah Penduduk	Laju Pertumbuhan
1999	109,366	2,03 %
2000	118,096	7,98 %
2001	125,571	6,33 %
2002	131,059	4,37 %
2003	136,628	4,66 %
2004	146,451	6,85 %
2005	157,453	7,51 %
2006	160,399	1,87 %
2007	164,501	2,56 %
2008	168,741	2,58 %
2009	174,661	3,51 %

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau

Data dan maklumat tersebut di atas berkait erat dengan laju pertumbuhan penduduk pada tahun 2009 sebesar 3,51% meningkat daripada 2,58% pada tahun 2008. Pertumbuhan ini merupakan pertumbuhan keseluruhan yang meliputi pertumbuhan alami kerana kelahiran dan kematian serta perpindahan netto yang diperolehi daripada pengurangan perpindahan keluar dengan perpindahan masuk ke Kabupaten Berau selama kurun waktu satu tahun.

Jadual 4.5
Peratus Masyarakat Mengikut Pekerjaannya Tahun 2009

Sektor	2009	2008
1. Pertanian	44,50 %	37,36 %
2. Penggalian/pengorekan	5,56 %	6,77 %
3. Industri	4,11 %	4,11 %
4. Letrik dan Pembekalan Air Minum	0,60 %	0,64 %
5. Binaan	6,43 %	7,29 %
6. Perniagaan	15,57 %	16,54 %
7. Transportasi Dan Komunikasi	3,92 %	4,70 %
8. Kewangan	0,17 %	1,22 %

9. Jasa	13,53 %	18,55 %
10. Kerajaan	5,62 %	2,54 %
	100,00 %	100,00 %

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau

Data dan maklumat di atas dipahamkan bahawa penduduk Kabupaten Berau seramai 44,50% berkerja sebagai Petani, seramai 15,57% bekerja sebagai Peniaga, sementara yang bekerja di Kerajaan hanya seramai 5,62%. Untuk penduduk Kabupaten Berau yang paling sedikit bekerja di sektor kewangan hanya 0,17% sahaja, selanjutnya di bidang Letrik dan pembekalan air Minum seramai 0,60%.

Hasil data dan maklumat di atas tersebut dipahamkan bahawa laju pertumbuhan penduduk Kabupaten Berau pada tahun 2009 seramai 3,51% disebabkan oleh kelahiran dan kedatangan penduduk daripada luar daerah ini disebabkan meningkatnya pelaburan di sector kehutanan dan pertambangan khususnya tambang batu hitam. Penduduk Kabupaten Berau paling ramai daripada hasil statistic seramai 94.604 lelaki adapun yang perempuan seramai 80.507 perempuan jadi daripada angka 100 perempuan maka terdapat 118 lelaki. Kecamatan yang memiliki kepadatan penduduk terpadat adalah Kecamatan Tanjung Redeb iaitu seramai 2.494,53 jiwa/Km². hal ini kerana Kecamatan Tanjung Redeb merupakan pusat bandar Kabupaten Berau dimana sarana dan prasarana kehidupan cenderung lebih lengkap. Adapun penduduk Kabupaten pada tahun 2009 majority bekerja sebagai petani seramai 44,50% dilanjutkan bekerja sebagai peniaga 15,57%.

4.2.3 Sosial

Keadaan sosial masyarakat sangat berkait erat dengan kestabilan dan kesejahteraan masyarakatnya. Beberapa hal yang berkaitan dengan masalah social ia adalah pendidikan dan agama.

a. Pendidikan

Pendidikan merupakan suatu proses belajar yang berkelanjutan. Secara formal berjenjang daripada SD hingga Perguruan Tinggi. Pendidikan Formal diselenggarakan di sekolah-sekolah, yang dibawah oleh Dinas Pendidikan. Kerana keterbatasan yang dimiliki oleh Pemerintah Daerah, maka pihak swasta diikutsertakan dalam mensukseskan program pendidikan. Beberapa institusi selain Dinas Pendidikan juga melakukan program pendidikan diantaranya Departemen Agama.

Jadual 4.6
Jumlah Fasilitas Pendidikan di Kabupaten Berau Tahun 2009

Kecamatan	Fasilitas Pendidikan				
	TK	SD	SLTP	SLTA	S. TINGGI
Kelay	2	14	3	1	-
Talisayan	10	10	3	1	-
Tabalar	7	7	1	1	-
Biduk-Biduk	9	11	3	1	-
Pulau Derawan	6	6	3	1	-
Maratua	4	4	1	-	-
Sambaliung	30	31	8	1	-
Tanjung Redeb	23	28	12	8	3
Gunung Tabur	13	15	2	2	-
Segah	10	10	2	1	-
Teluk Bayur	12	12	5	2	-
Batu Putih	6	6	2	-	-
Biatan	6	6	2	-	-
Jumlah	138	160	47	19	3

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau

Data dan maklumat di atas dipahamkan bahawa daripada tahun ke tahun tingkat partisipasi masyarakat dalam bidang pendidikan semakin meningkat, hal ini boleh dilihat daripada terus bertambahnya jumlah sekolah dan jumlah pelajar di sekola-sekolah daripada SD sampai SLTA. Jumlah sekolah TK pada tahun 2009 yang tersebar di 13 kecamatan di Kabupaten Berau serbanyak 138 sekolah, sedangkan jumlah SD negeri di tambah sekolah swasta pada tahun 2009 sebanyak 160 sekolah yang tersebar di 13 Kecamatan. Adapun jumlah sekolah SLTP sebanyak 47 sekolah dan SLTA sebanyak 19 sekolah yang tersebar di 13 kecamatan di Kabupaten

Berau. Untuk perguruan tinggi terpusat di pusat Bandar iaitu di kecamatan tanjung redeb sebanyak 3 perguruan tinggi.

Jadual 4.7
Jumlah Pelajar di Kabupaten Berau Tahun 2009

Kecamatan	Pelajar				
	TK	SD	SLTP	SLTA	S. TINGGI
Kelay	50	823	131	32	-
Talisayan	110	1,404	285	124	-
Tabalar	36	801	93	45	-
Biduk-Biduk	64	910	358	79	-
Pulau Derawan	68	879	357	134	-
Maratua	36	461	127	-	-
Sambaliung	581	4,090	961	860	-
Tanjung Redeb	1,067	9,186	3,430	1,945	1,645
Gunung Tabur	297	1,971	537	304	-
Segah	127	1,380	211	102	-
Teluk Bayur	268	2,503	782	580	-
Batu Putih	57	890	174	-	-
Biatan	37	886	213	-	-
Jumlah	2,798	26,164	7,659	4,235	1,645

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau 2010

Mengikut data dan maklumat jadual di atas dipahamkan bahawa jumlah pelajar di Kabupaten Berau tahun 2009 daripada tingkatan TK seramai 2.798 pelajar, jumlah pelajar SD seramai 26.164 pelajar, jumlah pelajar SLTP seramai 7.659 pelajar, adapun jumlah pelajar SLTA seramai 4.235 pelajar serta jumlah pelajar daripada 3 (tiga) sekolah tinggi sebanyak 1.645 pelajar. Data dan maklumat ini menunjukkan bahawa masyarakat Kabupaten Berau memiliki keinginan tinggi untuk bersekolah disamping ditunjang oleh program pemerintahan daerah Kabupaten Berau dengan program wajib belajar 9 tahun.

Jadual 4.8
Jumlah Guru di Kabupaten Berau Tahun 2009

Kecamatan	Guru				
	TK	SD	SLTP	SLTA	S. TINGGI
Kelay	5	83	27	6	-
Talisayan	28	152	24	23	-
Tabalar	18	52	8	7	-
Biduk-Biduk	19	91	36	19	-
Pulau Derawan	14	54	28	28	-
Maratua	8	33	5	-	-
Sambaliung	59	285	96	105	-

Tanjung Redeb	75	418	208	234	132
Gunung Tabur	47	130	34	40	-
Segah	13	104	23	25	-
Teluk Bayur	24	147	93	58	-
Batu Putih	14	147	15	-	-
Biatan	15	51	26	-	-
Jumlah	335	1,745	623	545	132

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau 2010

Adapun Tenaga pengajar di Kabupaten Berau untuk semua tingkatan pendidikan sudah memadai, walaupun pada tingkat SD tercatat beban guru relatif lebih ringan berbanding tingkat pendidikan yang lebih tinggi. Hal ini disebabkan semakin tinggi tingkat pendidikan, semakin memerlukan tenaga pengajar yang menguasai bidang atau ilmu pengetahuan yang diajarkan. Hasil data dan maklumat daripada badan pusat statistic menunjukkan bahawa guru di sekolah TK seramai 335 guru, untuk sekolah dasar pula seramai 1.745 guru, untuk sekolah lanjut tingkat pertama seramai 623 guru sedangkan untuk sekolah lanjutan tingkat atas seramai 545 guru. Sedangkan untuk sekolah tinggi setara dengan sarjana strata satu (S1) seramai 132 guru.

Selaras dengan data dan maklumat di atas, tingkat pendidikan di Kabupaten Berau mengalami peningkatan daripada tahun ke tahun. Dilihat daripada segi Fasilitas sekolahan pemerintahan daerah Kabupaten Berau selalu menambah fasilitas sekolahan setiap tahunnya di 13 kecamatan yang memerlukan, untuk mewujudkan program wajib belajar 9 tahun. Tidak hanya fisik sekolahan, pemerintah daerah Kabupaten Berau menambah guru-guru dengan membuka pendaftaran guru hal tersebut dilakukan kerana jumlah pelajar yang meningkat setiap tahunnya. Meskipun masih terdapat kekurangan, pemerintahan Kabupaten Berau selalu berbenah untuk mewujudkan masyarakat yang cerdas dan terdidik.

b. Agama

Kehidupan beragama di Kabupaten Berau selalu dibina dengan tujuan menciptakan kehidupan masyarakat yang selaras, serasi dan seimbang yang diharapkan boleh mengatasi berbagai masalah sosial budaya sebagai dampak daripada globalisasi, yang mungkin boleh merosak mentaliti bangsa dan menghambat kemajuan bangsa, disamping untuk membina kerukunan hidup antar umat beragama.

Jadual 4.9
Tempat Sembahyang Mengikut Agama Tiap Kecamatan Tahun 2009

Kecamatan District	Masjid Mosque	Musholla Small Mosque	Gereja Church	Pura Temple	Vihara Vihara	Kelenteng
Kelay	11	-	11	-	-	-
Talisayan	7	13	7	-	-	-
Tabalar	10	2	3	-	-	-
Biduk-Biduk	12	4	-	-	-	-
Pulau Derawan	7	-	-	-	-	-
Maratua	5	1	-	-	-	-
Sambaliung	31	11	5	1	-	-
Tanjung Redeb	20	19	7	-	2	1
Gunung Tabur	16	8	3	-	-	-
Segah	8	10	11	-	-	-
Teluk Bayur	18	22	-	-	-	-
Batu Putih	3	1	-	-	-	-
Biatan	5	2	-	-	-	-
Jumlah	153	93	47	1	2	1

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau 2010

Daripada data dan maklumat di atas dipahamkan bahawa jumlah rumah ibadat di Kabupaten Berau, daripada tahun ke tahun senantiasa mengalami peningkatan, seiring dengan meningkatnya jumlah penganut agama sebagai akibat wujudnya pertumbuhan penduduk. Pada tahun 2009 jumlah rumah ibadat mencapai 292 Rumah ibadat tersebut terdiri atas masjid 153 buah, Mushalla 93 buah, Gereja 42 buah, Vihara 2 buah, Pura 1 buah dan Klenteng 1 buah.

Jadual 4.10
Masyarakat Mengikut Agama Yang Diyakini Tiap Kecamatan Tahun 2009

Kecamatan District	Agama/Religion					
	Islam	Protestan	Katolik	Hindu	Budha	Kong Hu Cu
Kelay	1,745	2,205	792	8	-	-
Talisayan	7,776	965	900	2	-	-
Tabalar	4,491	896	170	2	-	-
Biduk-Biduk	5,365	232	216	-	-	-
Pulau Derawan	8,531	39	37	6	-	-
Maratua	3,106	38	20	2	-	-
Sambaliung	20,446	1,694	2,067	27	-	-
Tanjung Redeb	56,305	1,146	1,260	68	266	277
Gunung Tabur	14,155	267	836	-	-	-
Segah	4,535	2,513	1,172	4	-	-
Teluk Bayur	18,448	269	313	4	6	7
Batu Putih	5,040	812	525	-	-	-
Biatan	3,361	1,093	422	11	-	-
Jumlah	153,124	12,167	8,730	134	272	234

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau 2010

Data dan maklumat di atas menunjukkan bahawa jumlah penduduk Kabupaten Berau menurut agama yang dianutnya pada tahun 2009 sebagai berikut. Agama Islam seramai 153,124 orang, Protestan seramai 12,167 orang, Katolik seramai 8,730 orang, Hindu seramai 134 orang, Budha seramai 272 orang dan Kong Hu Cu seramai 234 orang. Tidak boleh dinapikan bahawa kaum muslim menjadi majoriti penduduk yang wujud di Kabupaten Berau.

Kondisi keberagamaan yang baik menunjang sistem pemerintahan yang baik pula. Sampai saat ini Kabupaten Berau belum pernah terjadi konflik perkelahian antar umat beragama seperti yang terjadi di daerah lainnya seperti Ambon atau pun pontianak. Hal tersebut disebabkan hubungan toleransi antar umat beraga selalu dikedepankan dan para tokoh-tokoh agama bersepakat membentuk suatu forum toleransi antar umat beragama untuk mewujudkan kedamaian di Kabupaten Berau dengan nama Forum Antar Umat Beragama.

4.2.4 Pemerintahan

Sejarah singkat terbentuknya pemerintahan Kabupaten Berau, dimulai sejak zaman kerajaan di Indonesia yaitu pada abad ke-14 dimana diboledi 7 Banua⁵ yaitu Banua Merancang, Banua Pantai, Banua Kuran, Banua Bulalung, Banua Lati, Banua Sewakung, dan Banua Bunyut. Pada perkembangan berikutnya 7 Banua tersebut bersepakat untuk mempersatukan wilayah mereka dibawah pimpinan seorang raja. Raja Pertama daripada kerajaan Berau bernama Baddit Dipattung bergelar Aji Surya Natakusuma dan pusat pemerintahannya terletak di Banua Lati.⁶

Pada awal pemerintahan kerajaan Berau sejak dilantiknya raja pertama Aji Surya Natakusuma sampai dengan Raja ke- 9 Raja Aji Diliat, Kerajaan Berau masih dalam satu kepemimpinan akan tetapi setelah Raja Aji Diliat wafat wilayah Berau dibahagikan menjadi 2 daerah kekuasaan, yang masing-masing daerah dikuasai oleh anak beliau daripada kedua istrinya yang berbeza iaitu Aji Pangeran Tua dan Aji Pangeran Dipati. Aji Pangeran Tua menguasai daerah sebelah sungai Kuran atau sungai Berau menuju hulu sampai wilayah kiri kanan sungai kelay Kemudian disebut dengan kerajaan Gunung Tabur. Sedangkan Aji Pangeran Dipati menguasai wilayah sebelah utara sungai Kuran menuju ke hulu sampai wilayah kiri dan kanan sungai segah, kemudian disebut dengan kerajaan Sambaliung.⁷

Belanda menginjakkan kakinya di daerah Berau pada awal tahun 1800 M atau awal abad ke-19. Sejak itu pula Belanda dengan segala cara untuk boleh menguasai kerajaan Berau dibawah jajahannya. Pada tarikh 27 September tahun 1834 di atas kapal Perang No. 18 dilaksanakannlah penandatanganan perjanjian yang mana

⁵ Banua memiliki sebutan bahagi daerah yang terdapat pemukiman penduduk yang dipimpin oleh seorang kepala adat atau kepala suku yang bertindak sebagai pemimpin pemerintahan sekaligus sebagai pemimpin adat dan agama.

⁶ Achmad Maulana (2001), *Sejarah Daerah Berau*, Tanjung Redeb: Pemerintah Kabupaten Berau, h. 5

⁷ Ibid, h. 6-7

Sultan Gunung Tabur mengiktiraf kekuasaan Belanda atas Kesultanan Berau. Untuk memperlancar urusan administrasi Kerajaan Belanda di Berau, mereka membina pejabat kerajaan dan binaan pejabat kerajaan tersebut diletakkan di Tanjung yang selanjutnya disebut Tanjung Redeb. Untuk memperkuat pengakuan itu diguballah sebuah akta penyerahan kepada kerajaan Belanda pada tarikh 6 Julai 1896.⁸

Pada zaman Federasi dan Zaman Kemerdekaan pada tahun 1946, Belanda membentuk *Oost Borneo* sebagai Residentie dengan ibukotanya Samarinda. *Residentie Van Oost Borneo* itu terdiri daripada 2 *Afdeling* iaitu *Afdeling* Kutai dan Pasir ibukotanya Balikpapan yang diduduki oleh Asisten Resident. *Afdeling* Berau dan Bulungan ibukotanya diduduki oleh Asisten *Afdeling* Van Deursen. Kerajaan Belanda yang sebahagian besar wilayah Hindia Belanda, dan khususnya *Resident van Oost Borneo* yang terdiri daripada 4 *Zefbestur* dibentuk dan dijadikan suatu federasi disebut Kalimantan Timur. Pada struktur kerajaan federasi ini terdapat badan eksekutif dan ada pula badan pemerintah harian. Gabungan antara Sultan Kutai dan Sultan Bulungan serta HPB *Neo Zefbestur* Pasir di dalam kesatuan ini disebut Federasi Kalimantan Timur.

Meskipun Indonesia sudah menyatakan kemerdekaannya pada tahun 1945 dan sebahagian besar daerah di Pulau Jawa boleh melepaskan diri daripada kungkaman penjajahan Belanda. Keadaan yang berbeza dibolehi di daerah Kalimantan Timur termasuk Berau, daerah tersebut masih lagi dikuasai oleh Kerajaan Belanda sampai dengan penyerahan kedaulatan Negara Republik Indonesia Pada tahun 1949 akhir.⁹ Pada waktu berdirinya Federasi Kalimantan Timur, setiap kesultanan yang wujud di daerah Kalimantan Timur mendirikan dewan legeslatif

⁸ Ibid, h. 15-16

⁹ Achmad Maulana (2001), *Sejarah Daerah Berau*, Tanjung Redeb: Pemerintah Kabupaten Berau, h. 31. lihat juga HM. Noor (t.t), *Calon Pahlawan Nasional*, Tanjung Redeb: Pemerintahan Kabupaten Berau, h. 2-3

termasuk daerah Berau yang disebut Dewan Berau yang anggotanya dilantik daripada anggota masyarakat tempatan, tindakan tersebut didasarkan kepada UU No. 22 Tahun 1948 tentang pokok-pokok pemerintahan daerah. Pada tahun 1950 Dewan Gabungan Kesultanan menerbitkan keputusan untuk segera bergabung dengan Republik Indonesia Serikat. Presiden RIS menyetujui kehendak tersebut dengan menggubal keputusan No. 127 tahun 1950. Dampak daripada penggabungan tersebut ialah seluruh dewan dibubarkan termasuk daerah Berau. Berdasarkan UU No. 3 Tahun 1953 sistem Swapraja di Kalimantan Timur diubah menjadi Daerah Istimewa.¹⁰

Mekanisme pelantikan pemimpin daerah di Berau pada tahun itu sangat berbeza, yang mana pemimpin daerah diambilkan daripada salah satu Sultan yang ada di Berau iaitu Sultan Gunung Tabur dan Sultan Sambaliung. Apabila salah satu Sultan menjadi Pemimpin Daerah maka Sultan lainnya menjadi wakilnya untuk jangka tempoh 2 (dua) tahun. Pemimpin daerah Berau setiap 2 (dua) tahun sekali berganti. Tidak hanya pemimpin daerah sahaja pada tahun itu dilantik, badan legeslatif atau DPRD Berau pun dilantik berdasarkan UU No. 3 Tahun 1953.

Pada tarikh 9 Januari 1957 Propinsi Kalimantan Timur berdiri sendiri terlepas daripada Kalimantan Selatan. Serah terima dilaksanakan oleh Gabenor Kalimantan Selatan Milono kepada Gabenor Kalimantan Timur A.P Tumenggung Pranoto. Pada tahu 1956 Pemerintahan Indonesia menggubal UU No. 27 Tahun 1956 dengan digubalnya UU tersebut maka sistem pemerintahan berganti daripada Daerah Istimewa menjadi Daerah Kabupaten. Sistem Kerajaan, *Landschap* dan *Zelfbestuur* dihapuskan diseluruh Indonesia termasuk di daerah Kalimantan Timur. Dengan terjadinya perubahan tersebut sistem pemerintahan daerah Berau juga diperluas.

¹⁰ Ibid., h. 32

Semula hanya wujud 4 Kecamatan sejak tahun 1957 dipecah menjadi 7 Kecamatan dan 82 Kampung, Kecamatan tersebut bernama Kecamatan Tanjung Redeb, Gunung Tabur, Sambaliung, Pulau Derawan, Talisayan, Segah dan Kelay. Pemimpin Daerah Kabupaten (Bupati) pertama yang dilantik adalah A.R.Muh. Ayoub yang mana pelantikannya dilaksanakan pada tarikh 9 Oktober 1960.¹¹

Perkembangan Berau sampai dengan pada masa sekarang tahun 2009 Kabupaten Berau telah terdiri daripada 13 kecamatan dengan jumlah Kampung sebanyak 97 Kampung dan 10 Kelurahan dan 2 UPT iaitu UPT Sukan Tengah III dan UPT Sukan Tengah IV yang termasuk dalam Kecamatan Sambaliung. Terdapat penambahan 4 Kecamatan daripada tahun 2002 sampai dengan tahun 2009. Kecamatan baru tersebut adalah Kecamatan Tabalar yang merupakan peluasan dan pembahagian daripada Kecamatan Talisayan dan Kecamatan Maratua yang terbentuk daripada peluasan dan pembahagian Kecamatan Pulau Derawan, Kecamatan Batu Putih dan Kecamatan Biatan.

Jadual 4.11
Jumlah Pegawai Negri Sipil Daerah Menurut Golongan dan Unit Kerja
Tahun 2009

Golongan	Sekretariat Daerah	Dinas	Guru	Penjaga Sekolah	Jumlah
Golongan I	16	63	-	23	102
Golongan II	122	613	1,057	22	1,812
Golongan III	263	997	1,957	-	3,217
Golongan IV	37	332	379	-	748
Jumlah	438	2,005	3,393	43	5,879

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau 2010

Data dan maklumat di atas dipahamkan bahawa seiring dengan meningkatnya struktur pemerintahan maka jumlah pegawai negri semakin meningkat pula. Pada tahun 2009 jumlah pegawai negri daerah seramai 5,879 orang sedangkan jumlah pegawai negri pusat seramai 893 orang. Menurut tingkatan kepegawaiannya

¹¹ Ibid., h. 34

sebahagian besar PNS Daerah berada pada golongan III sebanyak 54,73% dan paling kecil adalah golongan I sebesar 1,73% hal ini menunjukkan sebahagian besar pegawai sudah berada pada golongan yang relative tinggi.

Jadual 4.12
Jumlah Pegawai Negeri Sipil Pusat Pada Lembaga Negara
Dan Golongan Tahun 2009

Lembaga Negara	Golongan				Jumlah
	I	II	III	IV	
Departemen Agama	-	49	113	17	179
Tenaga Kerja Dan Transmigrasi	-	-	-	-	-
Perhubungan	3	19	17	-	39
Pemerintah Aparatur Negar	-	-	-	-	-
Perindagkop	-	-	-	-	-
Pertanian	-	-	-	-	-
Kehutanan	-	-	-	-	-
Kesehatan	-	-	-	-	-
Kehakiman Dan HAM	-	25	9	-	34
Kuangan	-	8	10	1	19
Pendidikan Nasional	-	-	-	-	-
Kejaksaan Agung	1	3	22	1	27
Kelautan dan Perikanan	-	-	-	-	-
Mahkamah Agung	-	3	36	4	43
Kepolisian Negara RI	-	457	27	4	488
LPND	-	-	-	-	-
Lainnya	-	19	44	1	64
Jumlah	4	583	278	28	893

Sumber: Badan Pusat Statistik Kabupaten Berau 2010

Data dan maklumat di atas dipahamkan bahawa terdapat pegawai negeri sipil pusat daripada lembaga negara seramai 893 orang yang ditempatkan di Kabupaten Berau. Mereka dilantik di department/dinas yang mewakili department/dinas pusat seperti departemen agama terdapat seramai 179 orang, adapaun di department perhubungan seramai 39 orang, department kehakiman dan Ham seramai 34 orang, department kuangan seramai 19 orang, department kejaksaan agung seramai 27 orang, department Mahkamah Agung seramai 43 orang dan adapun department yang paling ramai adalah di department polis Negara Republik Indonesia seramai 488 orang,

Jadual 4.13
 Anggota DPRD Kabupaten Berau Periode 2009-2015

NO	PARTI POLITIK	PEROLEHAN SUARA	JUMLAH KERUSI
1	P. Golongan Karya	12.974	4
2	P. Persatuan Pembangunan	9.098	4
3	P. Keadilan Sejahtera	6.669	3
4	P. Demokrasi Indonesia-Perjuangan	5.157	3
5	P. Demokrat	5.078	3
6	P. Bulan Bintang	4.656	2
7	P. Gerakan Indonesia Raya	4.212	2
8	P. Kedaulatan	2.884	2
9	P. Bintang Reformasi	2.828	1
10	P. Kebangkitan Bangsa	2.354	1
			25

Sumber: Sekretaris Dewan Kabupaten Berau 2009

Data dan maklumat di atas dipahamkan bahawa daripada hasil pemilu legislatif 2009 telah menempatkan 25 kader parti politik yang berbeza menjadi Anggota DPRD Kabupaten Berau. Pada pemilu legeslatif tahun 2009 terdapat 25 kerusi yang diperebutkan oleh Parti Politik untuk menjawat Anggota DPRD Kabupaten Berau. Jumlah kerusi yang dibolehkan setiap parti politik pada pemilihan umum anggota Legeslatif tahun 2009 iaitu 1) Parti Golongan Karya (golkar) menempatkan 4 kadernya, 2) Parti Persatuan Pembangunan (PPP) 4 kadernya, 3) Parti Keadilan Sejahtera (PKS) 3 kader, 4) Parti Demokrasi Indonesia-Perjuangan (PDI-P) 3 kader, 5) Parti Demokrat (PD) 3 kader, 6) Parti Bulan Bintang (PBB) 2 Kader, 7) Parti Gerakan Indonesia Raya (Gerindra) 2 kader, 8) Parti Kedaulatan 2 kader, 9) Parti Bintang Reformasi (PBR) 1 Kader, 10) Parti Kedaulatan Bangsa (PKB) 1 kader.

Jadual 4.14
 Fraksi Di DPRD Kabupaten Berau Periode 2009-2015

FRAKSI	PARTI POLITIK	JUMLAH ANGGOTA DPRD
1. Fraksi Golongan Karya	1. P. Golongan Karya	4
2. Fraksi Persatuan Pembangunan Reformasi	1. P. Persatuan Pembangunan 2. P. Bintang Reformasi	5

3. Fraksi Keadilan Sejahtera	1. P. Keadilan Sejahtera	3
4. Fraksi PDI-P	1. P. Demokrasi Indonesia Perjuangan	3
5. Fraksi Demokrat	1. P. Demokrat	4
6. Fraksi Bulan Bintang Raya	1. P. Bulan Bintang 2. P. Gerakan Indonesia Raya	3
7. Fraksi Kedaulatan Bangsa	1. P. Kedaulatan 2. P. Kebangkitan Bangsa	

Sumber: Sekretaris Dewan Kabupaten Berau 2009

Data dan maklumat di atas dipahamkan bahawa dalam rangka melengkapkan alat kelengkapan DPRD Kabupaten Berau maka dibentuklah beberapa Fraksi dan 3 Komisi. Untuk syarat pembentukan fraksi adalah minimum 3 anggota DPRD. Dalam hal ini DPRD Kabupaten terdiri daripada 7 Fraksi iaitu 1) Fraksi Golongan Karya terdiri daripada 4 Anggota DPRD semua daripada Parti Golkar, 2) Fraksi Persatuan Pembangunan terdiri daripada 4 Anggota DPRD, 4 orang daripada PPP dan 1 Orang daripada PBR, 3) Fraksi Keadilan Sejahtera terdiri daripada 3 Anggota DPRD, 3 orang daripada PKS, 4) Fraksi Demokrasi Indonesia – Perjuangan terdiri daripada 3 Anggota DPRD, 3 orang daripada PDI-P, 5) Fraksi Demokrat terdiri daripada 3 Anggota DPRD, 3 orang daripada Parti Demokrat, 6) Fraksi Gerinda Bulan Bintang terdiri daripada 4 anggota DPRD, 2 orang daripada PBB dan 2 orang lagi daripada parti Gerinda, dan 7) Fraksi Kedaulatan Bangsa terdiri daripada 3 Anggota DPRD, 2 orang daripada parti Kedaulatan dan 1 orang daripada PKB.

Jadual 4.15
Alat Kelengkapan DPRD Kabupaten Berau Periode 2009-2015

Alat Kelengkapan	Jumlah	Jumlah Anggota DPRD
1. Komisi	3	25
2. Badan Anggaran	1	5
3. Badan Legislasi Daerah	1	5
4. Badan Musyawarah	1	5
5. Badan Urusan Rumah Tangga	1	8
6. Badan Kehormatan	1	5

Data dan maklumat di atas dipahamkan bahawa alat kelengkapan DPRD Kabupaten Berau lainnya adalah Komisi. DPRD Kabupaten Berau dibahagi menjadi 3 komisi masing-masing komisi memiliki kewenangannya masing-masing. Untuk Komisi I berkaitan dengan bidang pemerintahan, Komisi II berkaitan dengan bidang perekonomian dan keuangan dan Komisi III berkaitan dengan bidang pembangunan dan kesejahteraan. Alat kelengkapan lainnya adalah badan-badan iaitu 1) Badan Anggaran, 2) Badan Legislasi Daerah, 3) Badan Musyawarah, 4) Badan Urusan Rumah Tangga, dan 4) Badan Kehormatan.

4.3 Pelaksanaan Pemilihan Pemimpin Di Kabupaten Berau

Dalam pelaksanaan pemilihan umum pemimpin di Kabupaten Berau tahun 2010 pengkaji akan membahagikan pelaksanaan pemilihan umum pimpinan daerah dalam 3 tahap, agar boleh mudah dipahami iaitu 1) tahap persiapan 2) tahap pelaksanaan dan 3) tahap Pengesahan dan Penetapan Pemimpin di Kabupaten Berau tahun 2010. Penjelasannya sebagai berikut.

4.3.1 Tahap Persiapan Pemilihan Pemimpin di Kabupaten Berau

Dalam tahap ini ada 3 pihak yang harus mempersiapkan pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau sebelum terlaksananya pemilihan pemimpin Kabupaten Berau iaitu pemimpin daerah Kabupaten Berau, DPRD Kabupaten Berau dan KPUD¹² Kabupaten Berau. Berikut ini penjelasan tentang tahap persiapan dan pihak-pihak yang harus mempersiapkan pelaksanaan pemilihan

¹² KPUD adalah singkatan daripada Komisi Pemilihan Umum Daerah unit ini hampir serupa dengan Suruhanjaya Pemilihan Raya tingkat negeri bertugas selaku unit yang mengurus pemilihan di tingkat daerah (kabupaten).

umum pemimpin daerah Kabupaten Berau sebelum terlaksananya pemilihan pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010.

a. Pihak Pemimpin Daerah Kabupaten Berau

Ada beberapa hal yang harus dipenuhi pemimpin daerah Kabupaten Berau sebelum melaksanakan pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010 yaitu pemimpin daerah yang menjawat diakhir masa kepemimpinannya diwajibkan melaporkan laporan pencapaian pemerintahan daerah yang dipimpinnya kepada pemerintahan lebih tinggi yaitu Gabenor dan Menteri Dalam Negri. Laporan Pencapaian dimaksud adalah program-program apa sahaja yang sudah dipenuhi oleh pemerintahan daerah yang dipimpinnya.

Selanjutnya pemimpin daerah Kabupaten Berau yang menjawat di akhir masa jabatannya diwajibkan melaporkan Laporan Kerja Pertanggung Jawaban (LKPJ) kepada DPRD Kabupaten Berau. Berkaitan dengan hal ini pemimpin daerah Kabupaten Berau memaparkan laporan tersebut pada tarikh 25 Januari 2010.¹³

b. Pihak DPRD Kabupaten Berau

Dalam hal persiapan pelaksanaan pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010, DPRD Kabupaten Berau memiliki 2 kewajiban.¹⁴

Pertama, DPRD Kabupaten Berau berkewajiban memberitahukan akhir masa jabatan pimpinan daerah Kabupaten Berau periode 2005-2010. Hal tersebut dilaksanaka DPRD Kabupaten Berau dengan mengeluarkan surat Pimpinan DPRD Kabupaten Berau dengan No.: 131/343/DPRD.III/XI/2009 perihal: Pemberitahuan

¹³ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

¹⁴ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

berakhirnya masa jabatan Pemimpin Daerah dan Wakil Pemimpin Daerah Kabupaten Berau periode 2005-2010.

Kedua, DPRD Kabupaten Berau berkewajiban membentuk Panitia Pengawas Kabupaten/Kota (PANWAS) Kabupaten Berau dan PANWAS tersebut bertanggungjawab kepada DPRD Kabupaten Berau. Anggota Panwas terdiri daripada lima orang yang terdiri daripada berbagai unsur iaitu kepolisian, kejaksanaan, perguruan tinggi, pers, dan tokoh-tokoh masyarakat. Sedangkan untuk di tingkat kecamatan komposisinya diusulkan oleh KPUD Kabupaten Berau sebanyak tiga orang setiap kecamatan, kemudian disahkan oleh DPRD Kabupaten Berau. Jadi ada 1 satu Panwas di tingkat Kabupaten dan 13 panwas di tingkatan Kecamatan se-Kabupaten Berau.

c. Pihak Komisi Pemilihan Umum Daerah Kabupaten Berau

Dalam tahap persiapan Komisi Pemilihan Umum Daerah Kabupaten Berau setelah menerima surat DPRD Kab. Berau No.: 1331/343/DPRD.III/XI/2009 perihal pemberitahuan berakhirnya masa jabatan Pemimpin daerah dan Wakil Pemimpin daerah Kabupaten Berau Periode tahun 2005-2010, KPUD Kab. Berau menyiapkan perencanaan penyelenggaraan yang meliputi penyusunan petunjuk pelaksanaan, petunjuk teknis penyelenggaraan pemilihan umum pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010.¹⁵

Untuk terlaksannanya pemilihan pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah yang baik, maka KPUD Kab. Berau menyusun beberapa petunjuk pelaksanaan dan petunjuk teknis, yang meliputi:¹⁶

¹⁵ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

¹⁶ Keputusan Komisi Pemilihan Umum Daerah Kabupaten Berau No. 12/Kpts/KPU-kab. Berau/021.436141/Tahun 2010 Tentang perubahan atas keputusan komisi pemilihan umum No.

1. Uraian tugas dan tata kerja PPK, PPS, dan KPPS;
2. Tata cara Pelaksanaan pendaftaran pemilih;
3. Tata cara Pemantauan Pemilih;
4. Tata cara Pencalonan pasangan calon pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010;
5. Pedoman/tata cara, dan jadwal pelaksanaan kempen;
6. Audit dana kempen
7. Tata cara pengambil dan penghitungan suara di TPS; dan
8. Tata cara pelaksanaan rekapitulasi penghitungan suara di PPS, PPK, dan KPU Kabupaten Berau.

Selain menyusun beberapa petunjuk, KPUD Kab. Berau menetapkan beberapa ketentuan yang meliputi:¹⁷

1. Tahap program dan jadwal waktu penyelenggaraan pemilihan Pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010;
2. Perkiraan jumlah pemilih, TPS, PPS, dan PPK berdasarkan jumlah pemilih, TPS, PPS dan PPK dalam pemilihan umum Presiden dan wakil presiden tahun 2009;
3. Hari dan tarikh pengambil suara pasangan calon pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah;
4. Jumlah pemilih terdaftar, TPS, PPS dan PPK;
5. Pembentukan dan pengangkatan anggota PPK, PPS dan KPPS;

01/KEP/KPU-BRU/Tahun 2010 tentang Tahap, program, dan jadwal waktu penyelenggaraan pemilihan pemimpin daerah kabupaten berau tahun 2010 pasal 2 ayat huruf (a)

¹⁷ Keputusan Komisi Pemilihan Umum Daerah Kabupaten Berau No. 12/Kpts/KPU-kab. Berau/021.436141/Tahun 2010 Tentang perubahan atas keputusan komisi pemilihan umum No. 01/KEP/KPU-BRU/Tahun 2010 tentang Tahap, program, dan jadwal waktu penyelenggaraan pemilihan pemimpin daerah kabupaten berau tahun 2010 pasal 2 huruf (b)

6. No. Urut pasangan calon Pemimpin daerah dan Wakil Pemimpin daerah Kab. Berau tahun 2010;
7. Bahan, bentuk format, dan ukuran surat suara serta kelengkapan administrasi pengambil dan penghitungan suara dalam pemilihan pasangan calon pimpinan daerah Kab. Berau 2010;
8. Jumlah kartu pemilih, dan jenis formulir untuk pendaftaran, pemililih, pencalonan, kempen, pengambil dan penghitungan suara dan penetapan pasangan calon terpilih;
9. Hasil rekapitulasi penghitungan suara pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010;
10. Pembentukan Panitia Pengawas;
11. Pembentukan dan pelatihan PPK, PPS dan KPPS;
12. Pemberitahuan dan pendaftaran pemantau pemilu;
13. Sosialisai pendidikan pemilih kepada masyarakat dan bimbingan teknis kepada Panitia Pemilihan;
14. Rapat koordinasi KPUD Kabupaten Berau;
15. Proses Administrasi pengadaan dan pendistribusian surat suara dan formulir-formulir pendaftaran pemilih, pencalonan, kempen, pengambil dan penghitungan suara, dan penetapan pasangan calon terpilih; dan
16. Pelaksanaan pengadaan dan pendistribusian.

Keberhasilan pelaksanaan pemilihan pimpinan daerah Kabupaten Berau tahun 2010 terletak kepada sejauh mana persiapan KPUD Kab. Berau mempersiapkan pelaksanaan pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010. untuk itu KPUD Kab. Berau sekuat mungkin mempersiapkan

pelaksanaan pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010 dengan baik. Adapun tahap yang dilaksanakan KPUD Kab. Berau dalam pelaksanaan pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010, sebagaimana tersaji dalam bahasan selepas ini.

4.3.2 Tahap Pelaksanaan Pemilihan Pemimpin Di Kabupaten Berau

Tahap pelaksanaan pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau 2010 meliputi beberapa kegiatan yaitu penetapan pengundi dan pendaftarannya serta penetapan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010, meliputi peserta pasangan calon pemimpin daerah, syarat kelayakan pasangan calon, pendaftaran pasangan calon, penelitian syarat kelengkapan pasangan calon pemimpin daerah, penetapan dan pengumuman pasangan calon pemimpin daerah yang boleh ikut serta menjadi peserta pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010.

a. Penetapan Pengundi

Komisi Pemilihan Umum Daerah Kab. Berau sebelum menetapkan pengundi tetap dalam pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau 2010. KPUD Berau membuat daftar pengundi sementara dengan acuan daftar pengundi yang digunakan pada saat pemilihan umum Presiden dan wakil Presiden di daerah Kabupaten Berau tahun 2009. Setelah itu KPUD Kab. Berau memaparkan/menyerahkan daftar

pengundi sementara kepada PPS¹⁸ melalui PPK¹⁹. Kemudian PPS memutakhirkan data tersebut dan mengesahkan dan mengumumkan daftar pengundi sementara.²⁰

Selain pemutakhiran data pengundi sementara, PPS juga menyusun Daftar Pengundi Tambahan dengan membuka pendaftaran bahagi pengundi baru dengan syarat:²¹

1. Warga Negara Republik Indonesia.
2. Warga Negara Republik Indonesia yang memenuhi syarat: 1) Tidak sedang terganggu jiwa/ingatannya. 2) Tidak sedang dicabut hak pilihnya berdasarkan keputusan pengadilan yang mempunyai kekuatan hukum tetap.

Untuk mempermudah PPS dan RT dalam pemutakhiran data pendaftaran pengundi sementara dalam pemilihan umum pemimpin Kabupaten Berau tahun 2010, KPUD Kab. Berau mendaftar pengundi didasarkan kepada:²²

1. Berusia 17 Tahun pada tarikh 7 Juli 2010;
2. Belum berumur 17 tahun akan tetapi sudah pernah berkahwin
3. Tendra Indonesia /Anggota polis yang sudah pencen.
4. Tidak terdaftar dalam Daftar Pengundi Tetap pemilu Presiden dan Wakil Presiden;

¹⁸ PPS adalah singkatan daripada Panitia Pemungut Suara yang bertugas di pemerintahan kelurahan dibawah Kecamatan.

¹⁹ PPK adalah singkatan daripada Panitia Pemilihan Kecamatan bertugas di pemerintahan kecamatan di bawah Kabupaten.

²⁰ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

²¹ Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-undang No. 32 Tahun 2004 tentang Pemerintahan Daerah Pasal 69.

²² Keputusan Komisi Pemilihan Umum Daerah Kab. Berau No. 12/Kpts/KPU-Kab. Berau/021.436141/Tahun 2010 tentang perubahan atas keputusan Komisi Pemilihan Umum Daerah Kab. Berau No. 01/KEP/KPU-BRU/Tahun 2009 tentang Tahap, program, dan jadwal waktu pelaksanaan pemilihan pemimpin Daerah Kabupaten Berau. Lihat juga Peraturan Pemerintah RI No. 6 Tahun 2005 tentang Pilkada pasal 19

5. Tidak terdaftar dalam pemutakhiran data pengundi;

Setelah terdaftar pengundi tambahan PPS mengumumkan daftar pengundi tambahan hasil perbaikan kepada masyarakat umum. PPS menerima tanggapan masyarakat terhadap Daftar Pemilih Tambahan/perbaikan. Kemudian PPS memvalidasi daftar pemilih tambahan setelah menerima tanggapan daripada masyarakat umum.

Penyusunan dan penetapan daftar pengundi tambahan diadakan setelah validasi. PPS juga mengesahkan dan mengumumkan daftar pengundi tetap serta menyusun salinan daftar pengundi tetap dan hasilnya diserahkan kepada PPK setempat.

PPK menyusun rekafitulasi jumlah pengundi terdaftar di PPK. Hasil daripada rekafitulasi tersebut diserahkan kepada KPUD Kab. Berau dan KPUD Kab. Berau merekafitulasi kembali jumlah daftar jumlah pengundi tetap. Setelah daftar pengundi tetap disahkan KPUD kab. Berau mengisi kartu pengundi sesuai dengan hasil rekafitulasi akhir di KPUD kab. Berau, kemudian divalidasi dan dicetak serta didistribusikan kartu pengundi. Pendistribusian kartu pengundi tersebut didistribusikan oleh PPS. Guna, memaksimalkan pendaftar calon pengundi tambahan tersebut, KPUD Kab. Berau bersama PPK dan PPS bekerja sama dengan seluruh RT²³ dan Kepala Kampung/Desa untuk menjaring pengundi pemula serta pengundi yang belum terdaftar sebagai pengundi di pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010. Daripada hasil pendaftaran baru terdaftar seramai 3.570 orang sebagai pengundi baru yang mana jumlah pengundi pada pemilihan

²³ RT adalah singkatan daripada Rukun Tetangga mereka adalah masyarakat yang ditunjuk oleh masyarakat persekitaran untuk memimpin mereka dalam lingkup yang kecil yaitu gabungan rumah tangga-rumah tangga. Kedudukan mereka dipemerintahan adalah kedudukan paling rendah setelah RW (Rukun Warga) yang langsung dibawah oleh Lurah atau Kepala kampung.

umum presiden dan wakil presiden hanya seramai 120.081 pengundi. dengan adanya penambahan daftar pengundi baru maka jumlah pengundi pada pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau 2010 seramai 123.651 pengundi.²⁴

Jadual 4.16
Daftar Pengundi Tetap Per-Kecamatan Tahun 2010

Kecamatan	Pengundi Terdaftar			Jumlah TPS	Jumlah PPS
	Laki-Laki	Perempuan	Jumlah		
Tanjung Redeb	22,969	19,779	42,748	125	6
Sambaliung	9,796	7,981	17,777	54	14
Gunung Tabur	6,266	4,705	10,971	34	11
Teluk Bayur	6,972	5,891	12,863	39	6
Maratua	1,035	981	2,016	7	4
Derawan	3,305	2,686	5,991	13	5
Tabalar	2,024	1,618	3,642	15	6
Biatan	1,903	1,482	3,385	15	8
Segah	3,641	2,595	6,236	23	11
Kelay	1,795	1,267	3,062	22	14
Talisayan	3,949	2,958	6,907	19	9
Biduk-Biduk	2,020	1,702	3,722	12	6
Batu Putih	2,502	1,854	4,356	12	7
Jumlah	68,177	55,499	123,651	390	107

Sumber: Komisi Pemilihan Umum Daerah Kab. Berau

Daripada data di atas bahawa jumlah pengundi tetap pada pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010 seramai 123,651 pengundi yang terdiri daripada laki-laki dan perempuan dengan jumlah TPS sebanyak 390 tempat dan 107 PPS yang tersebar di 13 Kecamatan di Kabupaten Berau.

Daripada hasil pengamatan lapangan pengkaji menemukan bahawa pendaftaran yang dilaksanakan PPS dan RT kurang maksimal ini disebabkan PPS dan RT hanya menunggu masyarakat yang belum terdaftar untuk mendaftar dirinya, PPS dan RT tidak secara aktif mendatangi tiap rumah warga untuk mendata ulang daftar pengundi sementara apakah mereka sudah terdaftar atau belum ataukah ada pihak keluarga yang sudah berhak mengundi belum terdaftar sebagai pengundi.

²⁴ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

Terdapat pula banyak kesalahan dalam pengkajian beberapa nama pengundi di surat jemputan untuk mengundi.

Persyaratan kelayakan pengundi yang diguna pakai oleh KPUD Kab. Berau pada pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau 2010 secara keseluruhan tidak bercanggahan dengan pandangan Islam. Bahkan Islam memberikan kebebasan untuk menentukan kriteria kelayakan pengundi dalam suatu pemilihan pemimpin ia tidak bercanggahan dengan ketentuan-ketentuan syariah.²⁵ Kelayakan pertama, yang ditetapkan Undang-undang dan KPUD Kab. Berau adalah seorang pengundi mestilah berwarga negara Indonesia dan berkedudukan di Kabupaten Berau penghadan pengundi di pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau didasarkan atas wilayah selain ia berwarga negara Indonesia ia juga harus bermukim di Kabupaten Berau minimum 6 bulan sebelum pemilihan umum pemimpin Kabupaten Berau dengan diperkuat Identitas Kartu Tanda Penduduk (Identity Card) atau identitas yang lain seperti kartu keluarga, passport dll. Disebabkan yang akan diundi sebagai pemimpin adalah pemimpin daerah Kabupaten Berau yang akan memimpin mereka 5 tahun kedepan, maka seorang pengundi harus mengetahui pemimpinnya dan berkewajiban untuk mengundi salah satu pasangan calon yang dikehendaki dan layak untuk memimpin mereka. Kelayakan kedua, selain berwarga negara Indonesia dan bermukim di Kabupaten Berau ia tidak dalam keadaan terganggu akal/jiwanya dan tidak dicabut hak undinya. Kelayakan pengundi untuk boleh menentukan dan memilih pasangan calon yang layak untuk memimpin Kabupaten Berau maka diperlukan bagi pengundi yang sehat dan tidak terganggu akal dan jiwanya oleh sebab itu Islam membebaskan orang yang terganggu akal/jiwanya daripada

²⁵ Gahtan Abdul Rahman al-Duri (1974), *al-Syura Bayna al-Nazariyyah Wa al-Tatbiq*. Baghdad: Matba'ah al-Ummah, h. 107.

kewajiban agama termasuklah masalah politik.²⁶ Sedangkan untuk persyaratan kelayakan pengundi selanjutnya adalah pengundi sedang tidak dicabut hak undinya oleh putusan pengadilan yang memiliki kekuatan tetap seperti seorang pengundi dicabut hak undinya kerana telah terbukti makar (menceroboh) terhadap negara atau telah terbukti telah berpindah kedudukan di daerah/kabupaten lain atau telah menjadi warga negara asing. Tentu sahaja hal tersebut telah mempunyai kekuatan hukum maka wajib untuk dilaksanakan hal tersebut tidak bertentangan dengan semangat Islam dimana seorang masyarakat berkewajiban mengikuti perintah pemimpinnya selagi tidak bercanggahan dengan syariah. Sayid Kutub menjelaskan bahawa ketaatan terhadap pemimpin atau produk hukum yang dikeluarkan merupakan suatu perkara yang wajib, dan kewajiban itu adalah sama kedudukannya dengan kewajiban mentaati kepada Allah dan Rasul-Nya. Bahkan mematuhi kepada mana-mana institusi kepimpinan dalam Islam merupakan syarat kesahan Imam dan kesempurnaan Islam.²⁷

Persyaratan yang selanjutnya disyaratkan KPUD Kab. Berau bagi pengundi adalah pengundi harus berumur 17 tahun atau kalau belum genap 17 tahun pengundi dinyatakan telah berkahwin. Tersebut didasarkan bahawa dengan umur 17 tahun atau belum 17 tahun akan tetapi telah berkahwin dipandang mereka telah mampu untuk membedakan mana yang benar dan mana yang salah dan di Indonesia seseorang dipandang telah dewasa ketika berusia 17 dan ini dibuktikan dengan penerbitan kartu identitas pribadi (Identity Card) dimana ia telah memiliki tugas dan tanggungjawab. Dalam Islam seorang muslim diberikan tugas dan tanggungjawab (mukallaf) ketika ia telah balig atau telah berumur 15 tahun maka sebagian sarjana muslim memandang bahawa seorang yang telah balig berumur 15 tahun dianggap telah

²⁶ Isma'il Ibn Kathir (1969), *Tafsir Ibn Kathir*. Bairut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j. 1 h. 452-453

²⁷ Sayyid Qutub (1995), *Fi Zilal al-Quran*, j. 5. c. 24, Kaherah: Dar al-Syuruq, h. 687

mempunyai kemampuan menjalankan undang-undang, maka itu ia juga haruslah mempunyai hak mengundi. Para sarjana Islam memperkuat hal tersebut dengan hadits Rasulullah yang diriwayatkan Imam Muslim.²⁸ Ukuran seseorang sudah balig atau dewasa disebagai negara berbeza-beza, Indonesia memandang seorang dewasa apabila telah berumur 17 tahun dan ia diberi hak untuk mengundi dengan bukti kartu tanda pengenalan (identity card). Tentu saja hal ini tidak bercanggahan dengan syariah.

Di Indonesia pelarangan terhadap Tentara Republik Indonesia dan Polis Republik Indonesia yang sedang aktif tidak dibolehkan untuk mengikuti sebarang parti politik atau mengambil undi ini bertujuan agar tentera dan polis netral dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai tentera dan polis Republik Indonesia. Sedangkan ketika mereka telah memasuki masa pencen mereka kembali lagi seperti masyarakat biasa yang memiliki hak dan tanggungjawab yang sama seperti masyarakat umumnya yang mana memiliki hak untuk dipilih dan untuk mengundi. Hal ini tentu sahaja tidak bercanggahan dengan pandangan syariah.

b. Pendaftaran dan Penetapan Pasangan Calon Pemimpin Kab. Berau

Setelah pengkaji menjelaskan perkara yang berkaitan dengan pengundi. Pengkaji pula akan menjelaskan perkara yang berkaitan dengan peserta pasangan calon pemimpin daerah yang dibolehkan untuk ikut dalam pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010, persyaratan sebagai peserta pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau, syarat-syarat individu yang harus dimiliki calon, mekanisme pendaftaran pasangan calon dan penelitian dokumen

²⁸ Abu Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj (1973), *Sahih Muslim*. Lahore: Ashraf Press. J. 3 h. 104 "Rasulullah saw mengawasi aku ketika berada di medan peperangan uhud, dan aku ketika itu berumur empat belas tahun. Baginda tidak membenarkan aku (mengambil bahagian dalam peperangan itu). Baginda mengawasi aku ketika peperangan Khandak (ahzab) dan aku ketika itu berumur lima belas tahun. Baginda membenarkan aku (dalam peperangan)".

persyaratan pasangan calon serta penetapan dan pengumuman pasangan calon yang boleh mengikuti pemilihan umum pimpinan daerah Kabupaten Berau tahun 2010.

i. Peserta Pasangan Calon Pemimpin Kabupaten Berau

Menurut UU No. 32 Tahun 2004 tentang Pemerintahan Daerah dalam hal peserta pasangan calon Pemimpin Daerah Kabupaten Berau. Masyarakat Kabupaten Berau boleh menjadi peserta calon Pemimpin daerah Kabupaten Berau dengan memenuhi syarat-syarat menurut UU No. 32 Tahun 2004.²⁹

Selain syarat-syarat pribadi yang harus dipenuhi ada beberapa syarat yang utama dan mutlak harus dipenuhi pemimpin daerah apabila ingin menjadi peserta pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010, sebagai berikut:

1. Disokong parti politik atau gabungan parti politik yang memperoleh minimum jumlah kerusi 15% (lima belas peratus) di DPRD Kabupaten Berau atau minimum sebanyak 4 kerusi dalam pemilihan umum Anggota DPRD Kabupaten Berau tahun 2009.
2. Disokong parti politik atau gabungan parti politik yang mendaftarkan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau yang memperoleh akumulasi minimum suara sah 15 % daripada hasil pemilihan umum Anggota DPRD Kabupaten Berau tahun 2009, iaitu seramai 10.854 suara sah yang terhitung. Contoh rumusan cara penghitungan gabungan suara sah parti politik³⁰:

²⁹ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

³⁰ Keputusan Komisi Pemilihan Umum Kabupaten Berau No. 08/KPTS/021.436141/2010

$$\frac{\text{Suara Parpol A} + \text{Suara Parpol B}}{\text{Akumulasi Suara Sah}} \times 100\% \geq (15\% \times \text{Akumulasi Suara Sah})$$

$$\frac{\text{A} + \text{B}}{72.362 \text{ Suara}} \times 100\% \geq 10.854 \text{ Suara Sah}$$

3. Atau melalui jalur perseorangan dimana pasangan calon pimpinan daerah Kabupaten Berau harus memperoleh sokongan langsung daripada masyarakat Kabupaten Berau sebanyak 6,5% daripada jumlah masyarakat Kabupaten Berau yang berjumlah 174.661 orang. Rumus cara penghitungannya adalah.

$$\text{Jumlah Masyarakat Kab. Berau} \times 6,5\% = \text{Suara Minimum Sokongan}$$

$$174.661 \text{ Masyarakat Berau} \times 6,5\% = 11.304 \text{ Suara}$$

Jumlah minimum sokongan yang harus dipenuhi calon perseorangan adalah 11.304 suara. Untuk itu calon pimpinan daerah yang menenpuh pencalonannya melalui jalur perseorangan berkewajiban untuk memenuhi surat sokongan yang ditandatangani oleh pembuatnya dengan melampirkan foto copi identitas diri Kartu Tanda Penduduk (KTP) atau surat keterangan lainnya minimum 11.304 surat sokongan daripada masyarakat Kabupaten Berau. Jumlah sokongan tersebut harus tersebar di lebih 50% 13 kecamatan di Kabupaten Berau.

Pasangan calon yang menempuh jalur pertama dengan memenuhi syarat minimum 4 kerusi Anggota DPRD hasil Pemilihan Umum Anggota DPRD Kab. Berau Tahun 2009 adalah pasangan calon Pemimpin Daerah Kabupaten Berau iaitu pasangan Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Achmad Rifai, MM. dengan sokongan kerusi di DPRD Kabupaten Berau seramai 20 kerusi terdiri daripada Gabungan Parti Politik iaitu. Parti Golongan Karya, Parti Persatuan Pembangunan, Parti Keadilan Sejahtera, Parti Demokrasi Indonesia-Perjuangan, parti Demokrat, Parti Kedaulatan dan Parti Kebangkitan Bangsa serta disokong beberapa parti yang tidak memperoleh kerusi di DPRD Kab. Berau iaitu Parti Patriot, Parti Amanat Nasional, dan Parti Demokrasi Kebangsaan. Untuk menbolehkan sokongan daripada beberapa parti gabungan yang berbasiskan kerusi dan non kerusi di DPRD Kabupaten Berau. Samaada Pasangan calon pemimpin daerah Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM secara pribadi atau pun tim kempen mereka mengadakan pendekatan samaada dengan ketua parti politik mahupun dengan konstituen parti. Apatahlagi pasangan calon pemimpin daerah Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM dalam pemimpin daerah aktif untuk periode 2005-2010 (Bupati dan Wakil Bupati 2005-2010) sehingga komunikasi boleh terjalin dengan mudah dan lancar. Adapula untuk menboleh sokongan pasangan calon Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM, daripada parti mereka harus membentangkan visi, misi dan program kerjanya untuk 5 tahun kedepan apabila terpilih. Sokongan tidak cukup dengan sokongan pengurus parti di tingkat Kabupaten ia harus menboleh sokongan atau surat rekomendasi/persetujuan daripada parti politik yang kepengurusannya lebih tinggi (provinsi) sampai kepengurus pusat. Untuk memperolehi sokongan dan rekomendasi daripada parti politik daripada tingkat Kabupaten hinggalah pusat, maka pasangan

calon Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM, atau tim kempen harus menyediakan dana khusus pengurusan rekomendasi dan surat sokongan daripada parti politik.³¹

Tidak hanya dengan pemimpin-pemimpin parti dan penyokongnya, pasangan calon pemimpin daerah Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM juga mengadakan pendekatan dengan organisasi-organisasi masyarakat seperti organisasi orang Jawa di Berau (SRI WEDARI dan IKAPAKARTI), Perkumpulan orang Bugis (KKSS), perkumpulan orang Medan, perkumpulan orang Toraja dan banyak lagi. Ini semua dilakukan untuk meraih sokongan seluas-luasnya daripada masyarakat Kabupaten Berau dalam pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau 2010.³²

Pasangan Calon yang menempuh jalur kedua adalah pasangan calon iaitu H. Suhartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah dengan sokongan suara gabungan parti politik seramai 12.709 Suara sah. Seramai 11 Parti politik yang bergabung untuk menyokong pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau H. Suhartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah. Gabungan parti politik yang menyokong adalah Parti Bulan Bintang, Parti Demokrasi Pembaruan, Parti Damai Sejahtera, Parti Hati Nurani Rakyat, Parti Persatuan Daerah, Parti Buruh, Parti Nasional Indonesia Marhainis, Parti Kebangkitan Nasional Ulama, Parti Nasional Banteng Kerakyatan Indonesia, Parti Indonesia Sejahtera, dan Parti Karya Perjuangan. Sokongan ini diperolehi oleh pasangan calon pemimpin daerah H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah melalui silaturrahi kebeberapa pemimpin parti politik yang tidak memperolehi kerusi di DPR. Awalnya pasangan ini akan disokong 2 parti iaitu Parti

³¹ Hasil Temu Bual H. Kamranai Umar, Ketua Tim Kempen Pasangan Calon No. urut 1 Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM. tarikh 4 November 2010.

³² Hasil Temu Bual H. Kamranai Umar, Ketua Tim Kempen Pasangan Calon No. urut 1 Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM. tarikh 4 November 2010.

Bulan Bintang dan Partai Gerakan Indonesia Raya yang memiliki masing-masing 2 kerusi dengan jumlah 4 kerusi, akan tetapi dipertengahann pendaftaran, Dewan Pengurus Pusat Partai Gerakan Indonesia Raya tidak menerbitkan rekomendasi untuk pasangan ini bahkan kebijakan pengurus DPP berseberangan terhadap kebijakan DPD GERINDRA Kab. Berau sehingga terjadilah pemecatan Ketua DPD GERINDARA Kab. Berau dan digantikan dengan pengurus sementara yang mana menyokong pasangan calon Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM,. Sehingga untuk boleh masuk sebagai pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau pada pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010. pasangan calon H. Suhartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah memutuskan untuk melalui jalur akumulasi suara sah minimum 15% daripada hasil pemilihan Anggota DPRD Kab. Berau tahun 2009. Tidak hanya 11 parti politik yang bergabung, sokongan terhadap pasangan ini juga dibolehi langsung daripada masyarakat Kabupaten Berau secara individu. Meskipun sokongan yang diberikan daripada parti-parti non kerusi di DPRD Kab. Berau diperolehi pasangan calon H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah seramai 11 parti, mereka harus tetap menbolehkan rekomendasi/persetujuan daripada kepengurusan parti di provinsi dan pusat. Untuk menbolehkan sokongan dan rekomendasi tersebut pasangan calon dan tim kempen harus mengeluarkan dana khusus untuk pengurusan.³³

Pasangan Calon yang menenpuh jalur perseorangan adalah pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau iaitu pasangan calon H. Hendry Gunawan, SH., dan Amir Husin, S.Pd., MM dengan mengumpulkan surat sokongan yang telah ditandatangani penyokong yang terlampir foto copy identitas diri seperti KTP atau surat lainnya seperti kartu keluarga, passport dan lainnya. Pasangan calon pemimpin

³³ Hasil Temu Bual Edy Triyono, Ketua Tim Kempen pasangan calon H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah. Tarikh 4 November 2010.

daerah Kabupaten Berau H. Hendry Gunawan, SH dan Amir Husin, S.Pd, MM, menbolehkan sokongan seramai 14.192 surat sokongan. Untuk memperoleh sokongan langsung daripada masyarakat Kabupaten Berau yang begitu ramai, pasangan calon pemimpin daerah H. Hendry Gunawan, SH dan Amir Husin, S.Pd, MM, membuat posko-posko di 13 kecamatan yang kegunaannya untuk mendaftar penyokong dan mencari sokongan daripada masyarakat di 13 kecamatan. Sokongan yang diperolehi tidak hanya sebatas lisan akan tetapi secara tertulis yang diwujudkan dengan surat sokongan yang ditandatangani penyokong serta menyertakan identitas diri berbentuk Kartu Tanda Penduduk atau surat keluarga dan lainnya. Terkadang untuk menbolehkan sokongan tersebut masyarakat tidak begitu sahaja memberikan sokongannya atau menyerahkan Kartu identitas mereka, untuk menyokong pasangan calon perseorangan, mereka meminta untuk ongkos foto kopy kartu identitas (Identity Card) mereka nominalnya berpariasi daripada IDR 25.000,- sampai dengan IDR. 50.000,-.³⁴

Daripada hasil observasi pengkaji di lapangan untuk memperoleh sokongan daripada masyarakat untuk menyokong salah satu pasangan calon. Pasangan calon dan tim kempen berupaya memenuhi kehendak sebagian penyokong. Tidak heranlah pasangan calon membantu kumpulan nelayan dengan memberikan jaring ikan, membantu bibit karet, membantu rumah ibadat, membagikan bantuan bahan makanan kepada masyarakat kurang keupayaan, serta membantu majlis ilmu yang dilaksanakan ibu pengajian dengan memberi baju seragam.

Islam memandang bahawa metod menentukan calon pemimpin di suatu kerajaan tidak dibatasi dengan metod tertentu sebab ia adalah merupakan suatu ijtihad. Metode apapun yang dipakai dalam situasi tertentu, mereka tidak boleh

³⁴ Hasil Temu Bual H. Andi Amir, Ketua Tim Kempen pasangan calon H. Hendry Gunawan, SH dan Amir Husin, S.Pd. MM tarikh 5 November 2010.

mengabaikan pengalaman demokratis modern agar boleh menyalin metode bai'ah yang dipakai pada masa permulaan Islam. Perlu diingat bahawa bai'ah terhadap khalifah-khalifah awal itu sendiri merupakan pelaksanaan ijtihad, dan masing-masing daripada keempat khalifah pertama itu dipilih dengan cara yang berbeza. Bai'ah mencerminkan ekspresi bebas pilihan umat, secara langsung atau melalui wakil-wakil umat yang kepemimpinannya diterima umat.³⁵ Imam Abu A'la al-Maududi berpandangan bagaimana cara pemilihan dan pencalonan penboleh ini ditentukan, merupakan hal yang tidak dibatasi ruang lingkup maupun caranya oleh Islam. Di tempat berbeza, boleh digunakan cara yang berbeza, juga dalam kesempatan serta situasi-kondisi yang berbeza, kerana metod-metod ini di rancang hanya untuk menentukan siapa yang paling dipercayai dan dihormati oleh bangsanya. Yang terpenting adalah pemilihan harus dilaksanakan dengan prinsip kehendak bebas kaum muslim dan tanpa adanya pemaksaan atau ancaman³⁶

Dalam pelaksanaan pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau. Metod pencalonan seorang pemimpin adalah di calonkan melalui parti politik atau gabungan parti politik dan melalui saluran perseorangan. Untuk parti politik dan gabungan parti politik boleh mencalonkan melalui dua metod iaitu disokong minimum 4 kerusi anggota DPRD Kab. Berau setara dengan 15% hasil undi sah dan disokong gabungan parti politik yang tidak mempunyai kerusi di DPRD Kab. Berau akan tetapi memiliki minimum 15% undi sah daripada hasil pemilihan umum anggota DPRD Kabupaten Berau. Sedangkan untuk calon pemimpin daripada perseorangan ia harus memiliki sokongan daripadapada masyarakat Berau seramai minimum 6,5%

³⁵ Mumtaz Ahmad (ed.) (1986), *State, Politics, and Islam*. Indiana: American Trust Publication diterjemahkan oleh Ena Hadi (1994), *Masalah-masalah Teori Politik Islam*. Bandung: Mizan, h. 98

³⁶ Abu A'la al-Maududi (1975), *The Islamic Law and Constitution*, lahor: Islamic Publication. Terjemahan Drs. Asep Hikmat (1990), *hukum dan konstitusi system politik Islam*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 258-259. lihat juga Mohd. Rumaizuddin Ghazali (2004), *Sains Politik Islam*, Pahang: PTS Publications & Distributors SDN BHD. h. 111.

daripada jumlah masyarakat Kab. Berau. Metod ini diguna pakai agar dalam pemilihan dimungkinkan adanya pasangan calon yang boleh menjadi peserta pasangan calon pemimpin daerah tidak hanya disokong oleh parti politik melainkan ia murni disokong oleh masyarakat secara langsung. Untuk pemilihan di serahkan kepada masyarakat Kabupaten Berau untuk memilih pasangan mana yang layak untuk dijadikan pemimpin Daerah Kabupaten Berau dalam jangka masa jawatan 5 tahun ke hadapan. Pandangan Islam bahawa metod pencalonan tersebut tidak bercanggahan sebab parti politik dan gabungan parti politik atau sokongan langsung masyarakat adalah merupakan metod untuk menjaring calon peserta pemilihan pemimpin pada reality semasa di Kabupaten Berau. Dalam Islam hak untuk mencalonkan disamping dimiliki oleh khalifah juga dimiliki oleh setiap muslim. Inilah yang dipahami sahabat dan fuqoha. Dalam pemberian kekuasaan kepada Abu Bakr sebagaimana kita ketahui didahului oleh adanya saling mendahului antara Abi 'Ubaidah bin Jarrah dan 'Umar bin Kattab untuk membai'at sehingga pertikaian antara Muhajirin dan Anshar tidak meruncing. Akan tetapi kekuasaan Abu Bakr tidak tegak hanya semata-mata dengan kejadian ini. Kerana yang dilakukan oleh kedua tokoh ini baru sebatas pencalonan mereka kepada Abu Bakr sebagai khalifah. Kekuasaan Abu Bakr baru tegak setelah ada bai'atnya umum daripada kalangan kaum muslimin yang dianggap tokoh panutan umat (Ahl al-hall wa al-aqd).³⁷

Untuk pengeluaran dana daripada pasangan calon dan tim kempen untuk menboleh rekomendasi daripada parti politik, sokongan langsung daripada masyarakat atau mengeluarkan bantuan untuk boleh disokong, selagi ia didasari sukarela dan tidak ada paksaan bagi penerimanya untuk memilih pasangan tertentu hal ini dibolehkan.

³⁷ Muhammad Yusuf Musa (1963), *Nidzam al-Hukm fi al-Islam*. Kohiro: (T.T), h. 83

ii. Syarat Kelayakan Pemimpin Kabupaten Berau

Syarat-syarat untuk boleh diusulkan sebagai pasangan calon pemimpin daerah adalah warga Negara Indonesia yang memenuhi syarat sebagai berikut:³⁸

1. Bertakwa kepada Tuhan yang maha Esa;
2. Setia kepada Pancasila sebagai dasar Negara, Undang-undang dasar Negara Republik Indonesia tahun 1945, cita-cita Proklamasi 17 Agustus 1945, dan kepada Negara kesatuan Republik Indonesia serta kerajaan;
3. Berpendidikan sekurang-kurangnya sekolah lanjutan tingkat atas dan/atau sederajat;
4. Berusia sekurang-kurangnya tiga puluh tahun bahagi calon Gabenor dan Kabupaten/Kota.
5. Sehat jasmani dan rohani berdasarkan hasil pemeriksaan kesehatan menyeluruh daripada tim dokter;
6. Tidak pernah dijatuhi pidana penjara berdasarkan putusan pengadilan yang telah memperoleh kekuatan hukum tetap kerana melakukan tindak pidana yang diancam dengan pidana penjara paling lama lima tahun atau lebih;
7. Tidak sedang dicabut hak undinya berdasarkan putusan pengadilan yang telah memperoleh kekuatan hukum tetap;
8. Mengenal daerahnya dan dikenal oleh masyarakat;
9. Menyerahkan daftar kekayaan pribadi dan bersedia untuk diumumkan;
10. Tidak sedang memiliki tanggungan utang secara perseorangan dan/atau secara badan hukum yang menjadi tanggung jawabnya yang merugikan keuangan Negara;

³⁸ Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-Undang No. 32 Tahun 2004 Tentang Pemerintahan Daerah pasal 58

11. Tidak sedang dinyatakan failit berdasarkan putusan pengadilan yang telah memperoleh kekuatan hukum tetap;
12. Tidak pernah melakukan perbuatan tercela;
13. Memiliki No. pokok pajak (NPWP) atau bahagi yang belum mempunyai NPWP, wajib mempunyai bukti pembayaran pajak;
14. Menyerahkan daftar riwayat hidup lengkap yang memuat antara lain riwayat pendidikan dan pekerjaan, serta keluarga kandung, suami atau istri;
15. Belum pernah menjabat sebagai pemimpin daerah atau wakil pemimpin daerah, selama dua kali masa jabatan yang sama; dan
16. Tidak dalam status sebagai pejabat pemimpin daerah.
17. Mengundurkan diri sejak pendaftaran bahagi pemimpin daerah dan/atau wakil pemimpin daerah yang masih menduduki jawatannya.

Ada beberapa istilah atau pemahaman terhadap syarat kelayakan seorang pasangan calon yang harus dijelaskan agar tidak menimbulkan pemahaman yang salah. Pemahaman tentang pengertian syarat bertakwa dalam undang-undang tersebut adalah pasangan calon telah menjalankan kewajiban agamanya sedangkan untuk standarisasi penilaian taqwa itu sendiri belum ada panduannya sehingga KPUD Kab. Berau cukup melihat identitas pasangan calon sahaja sesuai dengan agamanya yang dianut. Sedangkan pengertian setia dalam syarat pada poin 2 di atas adalah tidak pernah terlibat dalam pertumbuhan/gerakan separatis seperti GAM (Gerakan Aceh Merdeka) OPM (Organisasi Papua Merdeka) dll, tidak pernah melakukan secara inkonstitusional atau dengan kekerasan untuk mengubah dasar Negara, serta tidak pernah melanggar UUD RI tahun 1945. Untuk Syarat pendidikan negara hanya

mematok minimum pasangan calon telah menyelesaikan Sekolah Lanjutan Tingkat Atas dan/atau sederajat dengan dibuktikan dengan surat tanda tamat belajar yang dikeluarkan oleh institusi yang berwenang. Untuk Syarat “mengenal daerahnya dan dikenal oleh masyarakat daerahnya” dalam pengertiannya bahwa pasangan calon yang bersangkutan tidak harus memiliki kartu tanda penduduk daripada daerah ia cukup dikenal oleh masyarakat sahaja. Sedangkan untuk Pengertian “tidak pernah melakukan perbuatan tercela” dalam syarat diatas mengandung arti pasangan calon pemimpin daerah tidak pernah melakukan perbuatan yang bertentangan dengan norma agama, kesusilaan dan adat, antara lain judi, mabuk, pecandu narkoba dan zina.³⁹

Pada saat pendaftaran pasangan calon ke KPUD, parti politik atau gabungan parti politik wajib menyerahkan:⁴⁰

1. Surat pencalonan yang ditandatangani oleh pimpinan parti politik atau gabungan pimpinan parti politik yang bersangkutan;
2. Kesepakatan tertulis antar parti politik yang bergabung untuk mencalonkan pasangan calon;
3. Surat pernyataan tidak akan menarik pencalonan atas pasangan yang dicalonkan, yang ditandatangani oleh pimpinan parti politik atau pimpinan-pimpinan parti politik yang bergabung surat pernyataan kesediaan yang bersangkutan sebagai calon pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah secara berpasangan;

³⁹ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁴⁰ Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-undang No. 12 Tahun 2004 Tentang Perubahan Kedua terhadap Undang-undang No. 32 Tahun 2004 Tentang Pemeritnahan Daerah pasal 59 ayat 5

4. Surat pernyataan kesanggupan mengundurkan diri daripada jabatannya apabila terpilih menjadi pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah sesuai dengan peraturan perundang-undangan;
5. Surat pernyataan mengundurkan diri daripada jawatan kerajaan bahagi calon yang berasal daripada pegawai negeri sipil, anggota tenra nasional Indonesia, dan anggota polis Negara Republik Indonesia;
6. Surat pernyataan tidak aktif daripada jabatannya, bahagi pimpinan DPRD tempat yang bersangkutan menjadi calon di daerah yang menjadi wilayah kerjanya;
7. Surat pemberitahuan kepada pimpinan bahagi anggota DPR, DPD dan DPRD yang mencalonkan diri sebagai calon kepada daerah dan wakil pemimpin daerah;
8. Kelengkapan persyaratan calon pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah sebagaimana dikemukakan di atas;
9. Naskah visi, misi dan program daripada pasangan calon secara tertulis.

Sedangkan untuk pasangan calon perseorangan saat mendaftar harus membawa persyaratan sebagai berikut:⁴¹

1. Surat Pencalonan yang ditandatangani oleh pasangan calon perorangan.
2. Dokumen sokongan dalam bentuk pernyataan sokongan yang dilampiri fotocopy Kartu Tanda Penduduk atau surat tanda penduduk.
3. Surat pernyataan tidak akan menarik pencalonan sebagai pasangan calon.

⁴¹ Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-undang No. 12 Tahun 2008 Tentang Perubahan Kedua terhadap Undang-undang No. 32 Tahun 2004 Tentang Pemeritnahan Daerah pasal 59 ayat 5 (a)

4. Surat pernyataan kesanggupan mengundurkan diri daripada jabatan apabila terpilih menjadi pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah sesuai dengan peraturan perundang-undangan;
5. Surat pernyataan mengundurkan diri daripada jawatan kerajaan bahagi calon yang berasal daripada pegawai negeri sipil, anggota tenra nasional Indonesia, dan anggota polisi Negara Republik Indonesia;
6. Surat pernyataan tidak aktif daripada jabatannya, bahagi pimpinan DPRD tempat yang bersangkutan menjadi calon di daerah yang menjadi wilayah kerjanya;
7. Surat pemberitahuan kepada pimpinan bagi anggota DPR, DPD dan DPRD yang mencalonkan diri sebagai calon kepada daerah dan wakil pemimpin daerah;
8. Kelengkapan persyaratan calon pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah sebagaimana dikemukakan di atas;
9. Naskah visi, misi dan program daripada pasangan calon secara tertulis.

Parti politik atau gabungan parti politik hanya boleh mengusulkan satu pasangan calon tersebut tidak boleh diusulkan lagi oleh parti politik atau gabungan parti politik lainnya. Masa pendaftaran pasangan calon berlangsung paling lama tujuh hari, terhitung sejak pengumuman pendaftaran pasangan calon.⁴²

Daripada hasil observasi dan pengamatan di lapangan ada beberapa persyaratan calon pemimpin yang penentuannya tidak ada barometer tertentu seperti syarat bertaqwa, tidak tercela, sehat jasmani dan rohani serta mengenal daerahnya dan dikenal masyarakat. Syarta bertaqwa seharusnya boleh dijabarkan dengan jelas

⁴² Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

tidak cukup hanya sekedar memiliki setatus di identity pribadi bahawa ia adalah muslim atau nasrani budha. Harus ada barometer seorang itu bertaqwa. Adapun tindakan tidak tercela juga harus ada barometer atau sepesifikasi tindakan apa saja yang digolongkan sebagai tindakan tercela. Syarat sehat jasmani boleh diukur oleh rekod perubotan akan tetapi bagaimana menenukan seseorang calon pemimpin itu ia juga sehat rohani, perlu ada alat ukur untuk menentukan calon tersebut sehat rohani. Sedangkan syarat “mengenal daerahnya dan dikenal masyarakat” syarat ini pula harus ada alat ukurnya mengenal apakah cukup dengan sekedar tahu daerah daripada halaman web, buku-buku atau kah ia harus duduk di daerah tersebut selama beberapa tahun agar boleh memahami rialiti tempatan. Adapaun calon mesti dikenal masyarakat alat ukur dikenal masyarakat seharusnya ada ukurannya apakah ia cukup dikenal karna kontrapersi atau pernah menjadi selebriti. Kesemua hal tersebut mestilah ada alat ukur yang jelas agar masyarakat akan memperoleh pemimpin yang baik.

Pandangan Islam terhadap syarat-syarat pemimpin daerah ada beberapa persyaratan yang bersesuaian dengan pandangan Islam dan adapula persyaratan merupakan ijtihad semasa.

Persyaratan pasangan calon pemimpin daerah yang bersesuaian dan tidak bertembungan dengan pandanga ulama Islam adalah 1) syarat pasangan calon mestilah warga negara. 2) Sehat jasmani dan rohani. 3) bersekolah minimum sampai SLTA. 4) tidak sedang dijatuhi hukuman penjara. 5) tidak pernah melakukan perbuatan tercela 6) memaparkan visi, misi dan program kerja.

Sedangkan persyaratan merupakan ijtihad semasa adalah 1) setia kepada pancasila sebagai dasar negara dan UUD 1945. 2) tidak sedang dicaput hak pilihnya oleh pengadilan. 3) kenal daerahnya dan dikenal masyaarakatnya 4)menyerahkan

daftar kekayaan pribadi 5) tidak dinyatakan pailit (*muflis*) 6) pembayar pajak (*taxs*) 7) menyerahkan riwayat hidup pendidikan dan pekerjaan 8) belum pernah menjabat pemimpin daerah selama 2 (dua) kali masa jabatan. Persyaratan ijthadi tersebut tentunya tidak bertembungan dengan pandangan Islam. Persyaratan seperti setia kepada pancasila dan UUD 1945 ditujukan kepada calon agar taat dan patuh terhadap ketetapan-ketetapan kerajaan baik di pusat maupun di daerah. Adapun persyaratan tidak sedang dicaput hak pilihnya ini bermaksud agar pasangan calon mestilah warga negara dan tidak bermasalah dengan urusan hukum. Persyaratan kenal daerahnya dan dikenal masyarakatnya bertujuan agar pasangan calon ketika menjabat pemimpin daerah ia sudah mengetahui permasalahan-permasalahan masyarakatnya dan mencarikan solusi untuk permasalahan tersebut. Adapun persyaratan menyerahkan daftar kekayaan bertujuan pasangan calon boleh selalu dikontrol samaada ia baru menjabat dan selepas menjabat agar mengelakan daripada tindakan koruptif. Persyaratan tidak dinyatakan pailit atau muflis bertujuan agar tidak membebani pasangan calon dalam menerajui pemerintahan daerah. Adapun wajib mebayar pajak (*taxs*) bertujuan sebagai tanggungjawab masyarakat dalam membantu negaranya daripadasegi penbolehan. Sedangkan persyaratan menyerahkan riwayat hidup pendidikan dan pekerjaan bertujuan agar masyarakat menbolehkan informasi tentang pasangan calon yang akan dipilihnya. Dan persyaratan terakhir belum pernah menjabat menjadi pemimpin daerah selama 2 (dua) kali masa jabatan ini bertujuan agar tidak berbuata tindakan korupsi.

Meskipun demikian persyaratan yang biasanya menjadi persyaratan mutlak dalam Islam adalah persyaratan untuk menjadi seorang pemimpin di syaratkan ia seorang yang beragama Islam. Dalam kajian fiqih Siyasah pemberian syarat untuk menjadi pemimpin ditentukan dengan berapa besarnya amanat atau tanggungjawab

yang akan dibeban kepada seorang pemimpin tersebut. Dalam Islam kepemimpinan ada dua macam iaitu kepemimpinan yang memiliki hak mutlak dan kepemimpinan yang hanya melaksanakan polisi. Kepemimpinan yang memiliki hak mutlak adalah Khalifah dan Wazir Tafwid sedangkan kepemimpinan yang hanya bersifat melaksanakan polisi adalah Wazir Tanfidh.⁴³ Seorang Wazir Tanfidh tidak diwajibkan ia seorang muslim dan tidak diwajibkan pula mempunyai keilmuan tinggi kerana amanah atau tanggungjawab dia hanya sebatas melaksanakan polisi. Bersesuaian dengan pemimpin Kabupaten di seluruh Indonesia kepemimpinan Kabupaten hanya diberi hak untuk melaksanakan polisi daripada kerajaan pusat dan apabila ingin membuat sebarang polisi khusus daerah mereka, polisi tersebut tidak boleh bercanggahan dengan undang-undangan dan peraturan pemerintah pusat kerana dalam Undang-undang No. 32 Tahun 2004 tentang pemerintahan daerah. Bahawa pemerintahan daerah tidak boleh mengurus 6 macam perkara iaitu 1) Politik Antar Bangsa, 2) Pertahanan, 3) Keamanan, 4) Yustisia, 5) Fiskal dan Moneter dan 6) Agama.⁴⁴ Boleh disimpulkan bahawa kekuasaan pemimpin Kabupaten boleh diqiyaskan samahalnya dengan Wazir Tanfidh yang tidak mempunyai hak absolut ia hanya melaksanakan peraturan-peraturan penguasa yang lebih tinggi seperti Khalifah atau Presiden. Maka persyaratanya pun tidak seperti persyaratan menjadi Khalifah atau Presiden, ia boleh bukan Islam, seorang perempuan dan tidak perlu berilmu tinggi kerana ia berfungsi sebagai pemimpin yang melaksanakan polisi kerajaan pusat.

⁴³ Abu Hasan Ali b. Muhammad b. Habib al-Mawardi (t.t), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Bairut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 34

⁴⁴ Lembaran Negara Republik Indonesia dalam pembukaan Undang-Undang No. 32 Tahun 2004 tentang Pemerintahan Daerah

iii. Pendaftaran Pasangan Calon Pemimpin Kabupaten Berau

Komisi Pemilihan Umum Daerah Kabupaten Berau pada tarikh 24 Februari 2010 sampai dengan tarikh 26 Februari 2010 mengumumkan pembukaan pendaftaran pencalonan pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah Kabupaten Berau dan KPUD Kab. Berau telah menyediakan borang pendaftaran pasangan calon pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010 bahagi parti politik atau gabungan parti politik dan calon perseorangan⁴⁵.

Bahagi calon perseorangan diwajibkan menyerahkan dokumen sokongan daripada masyarakat Kabupaten Berau sesuai dengan peraturan yang berlaku tentang syarat surat sokongan. Dalam hal ini KPUD Kab. Berau memberikan batas waktu 5 hari sejak tarikh 5 maret 2010 sampai dengan 10 Maret 2010. Setelah KPUD Kab. Berau menerima dokumen sokongan tersebut, data tersebut diverifikasi di tingkat PPS, PPK, dan KPUD Kab. Berau. Apabila terdapat ketidak sempurnaan surat sokongan seperti Kartu Identis habis masa waktunya, surat sokongan yang terdobel dan Kartu identitas daripada kabupaten atau kecamatan yang berbeza, maka KPUD akan memulangkannya dokumen tersebut dan meminta kepada pasangan calon perseorangan untuk melengkapinya sebelum masa pendaftaran akan ditutup pada tarikh 12 april 2010.⁴⁶

Perkara tersebut berlaku kepada pasangan calon perseorangan H. Hendry Gunawan, SH dan Amir Husein, S.Pd, MM dimana data-data sokongan, banyak yang terdobel, kartu identitas yang tidak sesuai dengan daerah sokongan, serta kartu identitas yang sudah habis masa berlakunya. Sehingga dokumen tersebut tidak boleh digunakan dan mengurangi jumlah surat sokongan yang diamanatkan undang-

⁴⁵ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁴⁶ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

undang. Akan tetapi KPUD Kab. Berau memberi waktu kepada pasangan calon perseorangan tersebut untuk melengkapinya sampai dengan tarikh ditutupnya pendaftaran iaitu tarikh 12 April 2010.⁴⁷

Pada tarikh 5 April 2010 KPUD Kab. Berau membuka pendaftaran dan akan berakhir pada tarikh 12 April 2010, bahagi pasangan calon pimpinan daerah Kabupaten Berau yang ingin mendaftar diwajibkan kepada mereka untuk membawa segala persyaratan pencalonan. Pasangan calon pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah Kabupaten Berau yang pertama kali mendaftarkan sebagai pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau adalah pasangan calon H. Suhartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah, mereka mendaftarkan diri pada tarikh 7 April 2010 dengan membawa surat pencalonan yang ditandatangani oleh pimpinan parti politik atau gabungan parti politik daripada non kerusi di DPRD dengan jumlah suara lebih daripada 15% hasil pemilu DPRD tahun 2009 atau sebesar 12.709 suara. kemudian dilanjutkan dengan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. Achmad Rifai, MM pada tarikh 12 April 2010 pukul 7.30 pagi dengan membawa persyaratan sokongan berbentuk surat pencalonan yang ditandatangani oleh pimpinan gabungan parti politik dengan jumlah sokongan 20 kerusi Anggota DPRD Kab. Berau hasil pemilihan umum Anggota DPRD Kab. Berau Tahun 2009, sedangkan pasangan calon perseorangan pemimpin daerah Kabupaten Berau mendaftarkan diri pada tarikh 12 April 2010 pukul 4.00 sore dengan membawa surat sokongan yang telah dilengkapi dengan jumlah sokongan sebanyak 14.192 surat sokongan.⁴⁸

⁴⁷ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁴⁸ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

Pada pendaftaran tersebut masing-masing pasangan calon diwajibkan untuk mendaftarkan tim kempen pasangan calon pemimpin daerah masing-masing, untuk pasangan calon H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansah mendaftarkan tim kempennya dengan nama SOLUSI yang diketuai Edy Triyono, begitu pula dengan pasangan calon Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Achmad Rifai mendaftarkan tim kempennya dengan nama MARI yang diketuai H. Kamrani Umar serta pasangan calon perseorangan H. Hendry Gunawan, SH dan Amir Husein, S.Pd. MM mendaftarkan tim kempen mereka dengan nama KIRAB HEBAT yang diketuai H. Andi Amir.⁴⁹

Sebelum diteliti persyaratan daripada ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau oleh KPUD Kab. Berau, ke-tiga pasangan calon juga diwajibkan melaporkan hasil pemeriksaan kesehatan daripada Rumah Sakit Umum Abdul Rivai kepada KPUD Kab. Berau sejak tarikh 5 april 2010 sampai dengan tarikh 14 April 2010.⁵⁰ daripada hasil pemeriksaan kesehatan dinyatakan bahawa ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah layak untuk mengikuti pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010.⁵¹

Selanjutnya Persyaratan yang sudah dilengkapi oleh pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau 2010 akan diteliti oleh KPUD Kab. Berau beserta jajarannya.

⁴⁹ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁵⁰ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁵¹ Hasil Temu Bual Bersama ke-tiga Ketua Tim Kempen pasangan calon pemimpin Daerah Kabupaten Berau Tarikh 3-5 November 2010

iv. Penelitian Dokumen Pasangan Calon Pemimpin Kabupaten Berau

Setelah Komisi Pemilihan Umum Daerah Kabupaten Berau menerima seluruh persyaratan pencalonan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau, barulah pada tarikh 9 April 2010 sampai dengan tarikh 15 April 2010, KPUD Kab. Berau meneliti terhadap surat pencalonan beserta lampirannya meliputi penelitian kelengkapan dokumen dan keabsahan administrasi pencalonan, serta klarifikasi pada institusi yang berwenang.

Sebelum laporan hasil penelitian disampaikan kepada parti politik dan gabungan parti politik dan perseorangan, KPUD Kab. Berau mengumumkan hasil penelitiannya kepada masyarakat umum agar masyarakat boleh memberikan masukan terhadap hasil penelitian yang dilakukan KPUD Kab. Berau mengenai kelengkapan persyaratan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau. Dalam hal ini masyarakat ramai menyoroti dan memberi masukan kepada KPUD Kab. Berau tentang kelengkapan persyaratan pasangan calon perseorangan yang mana terdapat beberapa persyaratan yang tidak lengkap antara lain Kartu Identitas tidak sama dengan surat pernyataan, Kartu Identitas yang terdobel dan lain-lain.⁵²

Setelah pengumuman tersebut dan KPUD Kab. Berau menerima masukan masyarakat ramai tentang kelengkapan persyaratan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau, Pada tarikh 12 April 2010 sampai tarikh 19 April 2010, barulah KPUD Kab. Berau memaparkan atau memberitahukan hasil penelitian administrasi terhadap kelengkapan persyaratan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau secara tertulis yang disampaikan kepada parti politik atau gabungan parti politik dan perseorangan yang mana KPUD Kab. Berau memaparkan bahawa hanya dua pasangan calon pemimpin daerah yang memenuhi persyaratan iaitu pasangan H.

⁵² Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

Soehartono Soetjipto, SE bersama H. Liliyansyah dan pasangan calon pimpinan daerah Drs. H. Makmur HAPK, MM bersama Ir. H. Ahmad Rifai, MM sedangkan pasangan calon perseorangan pemimpin daerah Kabupaten Berau yaitu pasangan calon H. Hendry Gunawan, SH dan Amir Husein, S.Pd. MM dinyatakan belum memenuhi syarat dan diberikan waktu untuk melengkapinya daripada tarikh 19 April 2010 sampai dengan tarikh 25 April 2010 kurang lebih 5 hari sejak pemberitahuan kepada parti politik atau gabungan parti politik dan perseorangan. Hasil penelitian tersebut disampaikan oleh KPUD Kab. Berau kepada parti politik atau gabungan parti politik dan perorangan tentang hasil penelitian tersebut secara tertulis.

Bahagi pasangan yang tidak memenuhi syarat dibenarkan untuk menambah kekurangan persyaratan tersebut seperti yang dilakukan pasangan calon perseorangan H. Hendry Gunawan dan Amir Husein, S.Pd, MM menambah kekurangan persyaratan tersebut dengan menambah surat sokongan daripada masyarakat Kabupaten Berau lalu disampaikannya kepada KPUD Kab. Berau untuk diverifikasi tambahan sokongan calon perseorangan di PPS, PPK dan KPUD Kab. Berau pada tarikh 19 April 2010 sampai dengan tarikh 4 Mei 2010.

KPUD Kab. Berau meneliti ulang kelengkapan dan perbaikan persyaratan ke-tiga pasangan calon pada tarikh 3 Mei 2010 sampai dengan tarikh 4 Mei 2010 sebelum mengumumkan pasangan calon yang memenuhi persyaratan dan boleh mengikuti pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010. Pada tarikh 5 Mei 2010 barulah KPUD Kab. Berau mengumumkan hasil penelitian dan pemeriksaan mereka terhadap kelengkapan persyaratan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau, bahawa ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau telah memenuhi persyaratan dan diperbolehkan untuk mengikuti pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010.

v. Penetapan dan Pengumuman Pasangan Calon Pemimpin Kabupaten

Berau

KPUD Kab. Berau menetapkan pasangan calon yang telah melengkapi persyaratan pencalonan setelah melalui penelitian administrasi syarat pengajuan pasangan calon dan syarat calon perseorangan. Daripada ke-tiga pasangan calon semuanya dinyatakan layak untuk mengikuti pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010.

Untuk memudahkan pengundi dalam pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau, KPUD Kab. Berau pada tarikh 5 Mei 2010 menetapkan No. urut pasangan calon pemimpin daerah setelah melalui proses musyawarah yang dihadiri ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau dan ke-tiga tim kempen mereka. Pada rapat tersebut disepakati bersama untuk menbolehkan No. urut pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau dilaksanakan melalui pengundian. Hasil pengundian tersebut menempatkan pasangan calon Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM, memperoleh No. urut 1 dan pasangan calon H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah, memperoleh No. urut 2 sedangkan pasangan H. Hendry Gunawan, SH dan Amir Husin, S.Pd, MM memperoleh No. urut 3. hasil penetapan No. urut pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010 ditetapkan oleh KPUD Kab. Berau dalam surat keputusan KPUD Kab. Berau dengan No.: 20/KPTS/KPU-Kab. Berau/021.436141/Tahun 2010.⁵³

Setelah pengundian No. urut pasangan calon, KPUD Kab. Berau memberi tahukan kepada masyarakat umum tentang pasangan calon yang telah ditetapkan sebagai peserta pemilihan pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010 beserta

⁵³ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

No. urut pasangan calon masing-masing. KPUD Kab. Berau memperingatkan kepada parti politik atau gabungan parti politik dan perseorangan dilarang untuk menarik sokongannya kepada pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau sebab apabila itu dilakukan maka pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau dinyatakan gugur sebagai peserta pemilihan umum pimpinan daerah Kabupaten Berau tahun 2010. Sampai dengan diumumkannya pasangan calon pemimpin daerah yang boleh mengikuti pemilihan umum pemimpin daerah kabupaten Berau tahun 2010, tidak ada satupun parti politik atau gabungan parti politik dan perseorangan menarik sokongannya terhadap pasangan calon mereka masing- masing.⁵⁴

c. Kempen Pasangan Calon Pemimpin Kabupaten Berau

Kempen adalah suatu kegiatan yang dilakukan oleh pasangan calon dan atau tim kempen untuk menyakinkan para pengundi dalam rangka memperoleh sokongan sebesar-besarnya, dengan menawarkan visi, misi dan program pasangan calon secara lisan atau tertulis kepada masyarakat.⁵⁵

Ada beberapa unsur yang dikategorikan sebagai kegiatan kempen.⁵⁶ 1) Dilakukan oleh pasangan calon dan/Tim Kempen. 2) Terdapat unsur meyakinkan para pengundi dalam rangka memperoleh sokongan sebesar-besarnya dalam bentuk penawaran visi, misi dan program secara tertulis atau lisan. 3) terdapat alat peraga atau atribut pasangan calon. 4) dilakukan pada jadwal dan waktu kempen. Apabila tidak memenuhi seluruh unsur tersebut secara kumulatif, kegiatan tersebut tidak boleh dikategorikan sebagai kegiatan kempen.

⁵⁴ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁵⁵ Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-Undang No. 32 Tahun 2004 pasal 76 ayat (1). Lihat juga Peraturan Komisi Pemilihan Umum No. 69 Tahun 2009 Bab I pasal 1 ayat (8).

⁵⁶ Peraturan Komisi Pemilihan Umum No. 69 Tahun 2009 Bab I pasal 5 ayat (1 dan 2).

Berikut ini penjelasan tentang pelaksanaan kempen pemilihan umum pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010. yang meliputi pelaksanaan kempen, bentuk kempen, larangan kempen, dan dana kempen.

i. Pelaksanaan Kempen

Kempen pemilihan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau dilaksanakan selama jangka waktu 14 (empat belas) hari dan berakhir 3 (tiga) hari sebelum hari dan tarikh pengambil undi. 3 (tiga) hari sebelum hari dan tarikh pengambil undi di TPS adalah masa tenang dan dilarang melaksanakan kempen dalam bentuk apapun. KPUD Kab. Berau telah menetapkan jadwal kempen daripada tarikh 20 Jun sampai dengan tarikh 3 Julai 2010 dan masa tenang daripada tarikh 4 Julai sampai tarikh 6 Juli sedangkan tarikh 7 Julai 2010 adalah masa pengambil undi di TPS-TPS.⁵⁷

Satu hari sebelum diadakan kempen, tim kempen pasangan calon pemimpin daerah menerima susunan dan jadwal kempen yang telah disepakati bersama oleh tim kempen ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah, KPUD Kab. Berau memberitahukan hasil kesepakatan tersebut kepada Pemerintahan daerah, Panwalsu Kab. Berau, dan Polis sesuai tingkatannya.⁵⁸ Bahagi ke-tiga tim kempen pasangan calon tidak memakai kesempatan berkempen baik sebahagian atau seluruhnya, boleh memberitahukan kepada KPUD Kab. Berau secara tertulis selambat-lambatnya 3 (tiga) hari sebelum masa kempen, kemudian diadakan perubahan jadwal dengan keputusan KPUD Kab. Berau.⁵⁹ Untuk petugas kempen daripada ke-tiga pasangan

⁵⁷ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁵⁸ Hasil Temu Bual bersama Ke-Tiga Tim Kempen Pasangan Calon Pemimpin Daerah tarikh 3-5 November 2010

⁵⁹ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

calon pemimpin daerah wajib menunjuk Koordinator lapangan guna bertanggungjawab terhadap kelancaran, keamanan dan ketertiban peserta kempen pada saat keberangkatan dan kepulangan daripada tempat kempen.⁶⁰

Guna menghindari keributan dalam pelaksanaan kempen pemimpin daerah, KPUD Kab. Berau berkoordinasi dengan pihak Polis Resort Kabupaten Berau untuk mengamankan pelaksanaan pemilihan pemimpin daerah terutamanya pada masa kempen. Polis boleh mengusulkan kepada KPUD Kab. Berau untuk membatalkan sebarang kempen di suatu tempat disebabkan tidak memungkinkan diadakan kempen di daerah tersebut ditakutkan ada kerusuhan.⁶¹

1. Penyampaian Visi dan Misi

Hari pertama kempen tarikh 20 Jun 2010 dilakukan dalam rapat paripurna DPRD Kab. Berau dengan acara penyampaian Visi, Misi, dan Program Kerja pasangan calon pemimpin daerah secara berurutan sesuai No. urut pasangan calon dengan waktu yang sama masing-masing pasangan calon diberi waktu 30 menit, tanpa dilakkukan dialog. Penyampaian visi misi tersebut dihadiri oleh ke-tiga tim kempen, tokoh masyarakat, tokoh agama, Kepala-kepala Dinas, LSM, Wartawan dan Mahasiswa. Adapun visi dan misi yang disampaikan ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau sebagai berikut.⁶²

⁶⁰ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁶¹ Surat Keputusan Bersama antara KPUD kab. Berau dan Kepala Kepolisian resor Berau No. 01/Kpts/KPU-Kab/021.436141/2010 dan No. B/01/IV/2010 tentang, Pengamanan pelaksanaan pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010.

⁶² Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

Jadual 4.17
Visi dan Misi Ke-Tiga Pasangan Calon Pemimpin Daerah
Kabupaten Berau Tahun 2010

Pasangan Calon	Visi Dan Misi Pasangan Calon
<p>1. Drs. H Makmur HAPK MM, dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM</p>	<p>Visi : Mewujudkan Kabupaten Berau sebagai Daerah Unggulan dibidang Agribisnis dan Tujuan Wisata, serta Energi Terkemuka menuju Masyarakat Sejahtera.</p> <p>Misi :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mewujudkan Masyarakat yang sehat, cerdas, terampil dan berakhlak mulia. • Membangun, mengembangkan dan meningkatkan kawasan sentra produksi pertanian dalam arti luas dalam menunjang ekowisata dan agribisnis. • Mewujudkan pemenuhan infrastruktur dasar untuk meningkatkan kualitas kehidupan masyarakat yang layak dan sejahtera. • Mewujudkan perbaikan system subsidi, perlindungan social dan penanggulangan/pengentasan masyarakat miskin. • Mewujudkan pemberdayaan dan kemandirian kelembagaan masyarakat dengan pendekatan partisipatif. • Mewujudkan struktur ekonomi yang berdaya saing dan pro kerakyatan dengan konsep pembangunan berkelanjutan. • Mewujudkan tata kelola pemerintahan yang baik, bersih dan berwibawa.
<p>2. H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah</p>	<p>Visi : Mewujudkan Berau Sejahtera</p> <p>Misi :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemberdayaan perekonomian rakyat dengan memprioritaskan pengalokasian dana pertanian secara luas, membangun dan mengaspal jalan-jalan pedesaan, kecamatan dan Kabupaten serta jaringan air bersih dan listrik. • Peningkatan kesejahteraan masyarakat dengan memberikan pelayanan kesehatan gratis dan kualitas pendidikan serta peningkatan kehidupan umat beragama. • Peningkatan pelayanan umum pemerintahan seperti perijinan, pembuatan KTP, Tunjangan kematian dan kelahiran. • Penyelenggaraan pemerintahan yang efisien dan efektif dengan program utama mengutamakan kepentingan masyarakat. • Penyelenggaraan pemerintahan bersih, bebas, daripada KKN serta menegakkan supermasi hukum. • Upaya pemerataan pembangunan seluruh daerah secara merata, samaada bandar, pantai dan pedalaman. • Meningkatkan peran pembangunan pemerintahan kampung dengan mengalokasikan dana sesuai kebutuhan. • Mengembagn potensi objek pariwisata dengan mengikutsertakan masyarakat di sekitarnya. • Mengupayakan peningkatan kehidupan umat beragam agar tercipta kondisi masyarakat yang agamis melalui pembinaan, pemahaman agama yang intensif dan berkeseimbangan guna tewujudnya pengamalan agama, melalui pembinaan berbasis masyarakat, rumah ibadat, pejabat, kampus, dan sekolah sesuai dengan agama masing-masing. • Meningkatkan pemberdayaan perempuan dengan memberikan peran dan partisipasi dalam berbagai aspek kehidupan.
<p>3. H. Hendry Gunawan, SH</p>	<p>Visi :</p>

dan Amir Husin, S.Pd, MM	<p>Membangun Kabupaten Berau Elok, Aman, Maju dan Sejahtera “Berau Emas”</p> <p>Misi :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membangun kabupaten Berau Elok, membangun insfratruktur jalan dan jembatan, sehigga penataan jalan dan lingkungan bandar dan di kampung menjadi bersih dan indah. Potensi pariwisata yang ada di kabupaten berau menjadikan Berau Balinya Kalimantan Timur. Membudidayakan tanaman dan pokok perlindungan untuk konservasi alam dan keindahan lingkungan. • Membangun Kabupaten Berau Aman, menciptakan keamanan, keterlibatan dan keamanan, menpukulin kepastian dan penegakan hukum, serta menekan kriminalitas dan penyakit social, membangun system penaganan tanggap darurat. • Membangun kabupaten Berau Maju, membangun kemajuan sumber daya mausia baik iman dan taqwa maupun ilmu pengetahuan dan teknologinya. Membangun; insfratruktur perkampungan, perkotaan, birokrasi yang bersih, professional dan aman. Mengembangkan investasi dan membangun ekonomi kerakyatan, pengelolaan lingkungan dan sumberdaya alam yang serasi dan harmonis. Membangun pertanian dalam arti luas sebagai basis peekonomian rakyat. • Membangun Kabupaten Berau sejahtera, penanggulangan kemiskinan, penciptaan kesempatan kerja, pemerataan pembangunan antara kawasan. Peningkatan kualitas hidup masyarakat melali pendidikan dan kesehatan. Peningkatan sokongan penyediaan perumahan bahagi masyarakat miskin, menciapkakan keserasian dan keharmonisan lingkungan hidup. Membangun dan menjunjung semangat kebersamaan, toleransi, dan bersaudara yang telah menjadi budaya masyarakat kabupaten berau.
--------------------------	---

Sumber: Komisi Pemilihan Umum Daerah Kabupaten Berau

Pada kesempatan tersebut pasangan calon pemimpin daerah No. urut 1 berjanji apabila mereka terpilih menjadi pasangan pemimpin daerah Kabupaten Berau pada pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010, mereka akan mewujudkan Kabupaten Berau sebagai daerah yang unggul di segala bidang diantaranya bidang agrobisnis dan wisata, Peningkatan Sumberdaya manusia melalui pendidikan dan kesehatan, pelayanan di pemerintahan lebih baik dan lebih cepat serta menciptakan pemerintahan yang bermartabat dan keadaan kondusif. Bahagi pasangan calon pemimpin daerah No. urut 2 berjanji apabila mereka terpilih menjadi pemimpin daerah Kabupaten Berau 2010 mereka akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi lebih daripada 5,6% iaitu 10% pertahunnya, membahagikan alat tangkap ikan moderen kepada nelayan, Meningkatkan Sumberdaya Alam kelautan,

peningkatan infrastruktur sekolah dan rumah sakit, serta memberikan biaya sekolah dan pengobatan secara percuma. Sedangkan pasangan calon No. urut 3, berjanji apabila mereka terpilih menjadi pemimpin daerah Kabupaten Berau 2010, mereka akan mengalokasikan dana IDR. 1.000.000.000,- untuk satu kampung untuk mensejahterakan masyarakat.⁶³

2. Kempen di 13 Kecamatan, Kabupaten Berau.

Adapun tahap selanjutnya, setelah penyampaian visi, misi dan program kerja pasangan calon di DPRD Kab. Berau. Maka pada tarikh 21 Jun 2010 Ke-tiga Pasangan calon pemimpin daerah dan tim kempen mereka diperbolehkan untuk berkempen di 13 Kecamatan, Kabupaten Berau yang sudah ditentukan dengan waktu yang telah ditentukan pula. Waktu yang disepakati untuk kempen di 1 kecamatan adalah dimulai daripada pukul 7 pagi dan berakhir pada pukul 5 sore. Jadwal tersebut telah disepakati antara pasangan calon melalui Ke-tiga Tim Kempen mereka pada rapat bersama KPUD Kab. Berau sebelum dilaksanakannya kempen pemilihan pemimpin daerah Kabupaten Berau.⁶⁴

Jadual 4.18
Jadual Kempen Pasangan Calon Pemimpin Daerah Kabupaten Berau
Tahun 2010

Z o n a	Kecamatan	Tarikh/Bulan													
		20/6	21/6	22/6	23/6	24/6	25/6	26/6	27/6	28/6	29/6	30/6	1/7	2/7	3/7
1	Tanjung Redeb	V I S I													
	Teluk Bayur		2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	
2	Gunung Tabur	I													
	Sambaliung														
2	Kelay	I													
	Segah														

⁶³ Pos Kota Kaltim, Tarikh 21 Juni 2010, "Tiga Cawabup dan Tiga Calwabup Sampaikan Visi Misi "

⁶⁴ Hasil Wawancara Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

	Derawan Maratua	&	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	P U B L I K
3	Tabalar Biatan Talisayan Batu Putih Biduk-Biduk	M I S I	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	

Sumber: Komisi Pemilihan Umum Daerah Kab. Berau

Tabal di atas menunjukkan bagaimana pembahagian lokasi berkempen dan waktu yang dipergunakan untuk ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah dan tim kempen mereka. Pembahagian lokasi kempen dibahagi kedalam tiga Zona di mana Zona 1 (satu) meliputi Kecamatan Tanjung Redeb, Teluk Bayur, Gunung Tabur, Sambaliung. Adapun Zona 2 (dua) meliputi Kecamatan Kelay, Segah, Derawan, dan Maratua sedangkan Zona 3 (tiga) meliputi Kecamatan Tabalar, Biatan Talisayan, Batu Putih, dan Biduk-biduk. Pembahagian berdasarkan zona untuk memudahkan tim kempen ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah untuk mempersiapkan lokasi kempen dan persiapan logistik kempen. Pembahagian zona pula didasarkan kepada kedekatan antara satu kecamatan dengan kecamatan lainnya di dalam satu zona.

Dalam satu Zona Ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah dan ke-tiga tim kempen menbolehkan 4 kali berkempen masing-masing kecamatan dibatasi hanya 1 kali sahaja berkempen dalam satu hari. Khusus di zona 3, pasangan calon dan tim kempen di beri 4 kali berkempen dengan jumlah kecamatan yang harus didatangi sebanyak 5 Kecamatan, sehingga daripada 4 kali berkempen ada 1 kali berkempen, mereka harus menghadiri 2 Kecamatan dalam satu hari. Dalam penentuan kecamatan mana yang harus didahulukan dalam satu zona, tim kempen diberi hak penuh untuk menentukannya sesuai dengan strategi tim kempen masing-masing pasangan calon pemimpin daerah. Contoh untuk pasangan calon pemimpin daerah No. urut 2 menboleh 4 kali berkempen pada tarikh 21, 24, 27 dan 30 Juni 2010 di

zona 1 (satu) mereka dibebaskan merancang untuk tarikh 21 Juni 2010 mereka berkempen di Kecamatan Gunung Tabur, tarikh 24 Jun 2010 berkempen di Tanjung Redeb, tanggal 27 Juni 2010 berkempen di Kecamatan Sambaliung dan pada tarikh 30 Jun 2010 berkempen di Kecamatan Teluk Bayur.⁶⁵

Untuk menghadirkan masyarakat penyokong dan masyarakat umum masing-masing pasangan calon pemimpin daerah dalam setiap kempen di satu kecamatan, ke-tiga tim kempen Kabupaten berkoordinasi dengan tim kempen kecamatan untuk menghadirkan masyarakat kecamatan dan masyarakat umum dengan cara menjemput dan menyebarkan pengumuman dengan pamphlet-pamphlet di jalan-jalan. Serta untuk menyedot antusias masyarakat penyokong pasangan calon pemimpin daerah dan masyarakat umum. Tidak lupa Ke-tiga tim Kempen menghadirkan artis-artis ibukota Jakarta.⁶⁶

Bentuk kempen yang digunakan dalam kempen di kecamatan kebanyakan pasangan calon dan tim kempen memakai bentuk kempen iaitu rapat umum dan pertemuan terbatas. Adapun rapat umum biasanya dilaksanakan di pusat bandar kecamatan dengan menghadirkan ribuan penyokong dan masyarakat umum. untuk menghidarkannya tim kempen kabupaten berkoordinasi dengan tim kempen kecamatan untuk memobilisasi masyarakat. Biasanya tim Kempen menjemput artis ibukota Jakarta untuk menghibur penyokong dan masyarakat untuk menyedot antusias masyarakat yang hadir. Sedangkan pertemuan terbatas dimanfaatkan tim kempen ke kampung-kampung yang jauh daripada kecamatan atau tidak bisa menghadiri kempen di kecamatan, maka dengan pertemuan terbatas di gedung tertutup dengan jumlah yang hadir dibatasi, tidak boleh lebih daripada 1000 orang.

⁶⁵ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁶⁶ Hasil Temu Bual bersama Ke-Tiga Ketua Tim Kempen Pasangan Calon Pemimpin Daerah, tarikh 3-5 November 2010

kegiatan kempen seperti ini memudahkan bahagi pasangan calon dan tim kempen memaparkan visi, misi serta program kerja pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau.⁶⁷

Daripada hasil pantauan PANWAS selama memantau pelaksanaan kempen di 13 kecamatan dibolehi beberapa kesalahan yang dilakukan oleh ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah dan ke-tiga tim kempen mereka. Majoriti kesalahan yang dilakukan dalam kempen adalah kehadiran anak-anak dalam setiap kempen di kecamatan dan melewati batas waktu yang sudah disepakati. Untuk pelanggaran hadirnya anak-anak dalam kempen di 13 kecamatan PANWAS kecamatan memberikan teguran kepada pasangan calon dan tim kempenya. Sedangkan untuk kesalahan melewati batas waktu kempen yang ditetapkan, PANWAS tidak segan-segan untuk memberhentikan kempen tersebut.⁶⁸

Daripada hasil pengamatan di beberapa tempat kempen di kecamatan-kecamatan penyampaian visi, misi dan program kerja terkadang tidak terlalu didengarkan oleh penyokong dan masyarakat umum. Kebanyakan mereka mengharapkan hiburan artis Ibukota Jakarta daripada pada mendengarkan visi misi pasangan calon. Penyampaian visi, misi dan program kerja pada kempen di 13 kecamatan kebanyakan disisi dengan keritikan dan kecaman terhadap pasangan calon Drs. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai selaku pasangan calon yang sedang menjawat pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah periode 2005-2010, daripada pasangan calon No. urut 2 dan 3. keritikan tersebut berkaitan dengan invastruktur yang tidak berimbang antara bandar dan kampung/desa, letrik suka padam, pengelolaan sumber daya alam yang belum maksimal, potensi kelautan yang kurang digali serta usaha yang tidak serius daripada pemerintah untuk mengentaskan

⁶⁷ Hasil Temu Bual bersama Ke-Tiga Ketua Tim Kempen Pasangan Calon Pemimpin Daerah, tarikh 3-5 November 2010

⁶⁸ Hasil Temu Bual bersama Akmal S.Ag, Ketua PANWAS Kab.Berau, tarikh 7 November 2010.

kemiskinan di Kabupaten Berau. Sedangkan pasangan calon urut 1 mengkeritisi program pasangan calon No. 2 untuk boleh menuntaskan masyarakat miskin dengan programnya serta mengkeritisi pasangan calon No. urut 3 dengan programnya pemberian dana IDR 1.000.000.000,- kepada tiap-tiap Kampung/Desa yang ada di Kabupaten Berau. Meskipun kempen yang dilaksanakan di 13 kecamatan masing-masing pasangan calon tetap memaparkan isi kempennya dengan bahasa-bahas yang baik tanpa ada hujat menghujat atau menjatuhkan calon yang lain dengan black campen.

3. Debat Publik

Debat Publik adalah salah satu metode kempen pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau yang mana bertujuan untuk melaksanakan pendidikan politik kepada masyarakat bahagi tumbuhnya kesadaran politik rakyat untuk berpartisipasi secara aktif dalam membangun politik pada umumnya dan pemilihan umum pemimpin daerah pada khususnya, serta bertujuan untuk memfasilitii pasangan calon dalam penyebarluasan visi, misi dan program kerjanya kepada masyarakat dalam rangka menumbuhkan sokongan politik pemilih kepada ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah. Tanggung jawab ini di amanatkan undang-undang kepada KPUD iaitu KPUD Kab. Berau tahun 2010 sebagai pelaksanaan pemilihan umum pemimpin daerah.⁶⁹

Pelaksanaan debat publik dilaksanakan KPUD Kab. Berau sebanyak 1 (satu) kali, dilaksanakan pada akhir masa kempen iaitu tarikh 3 Julai 2010 sebelum memasuki masa tenang bertempat di gedung olah raga serba guna jalan Pemuda. Pihak-pihak yang terbabit dalam debat public adalah 1) Ke-Tiga Pasangan calon

⁶⁹ Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-undang No. 32 Tahun 2004 tentang pemerintahan daerah pasal 16 ayat (1) Huruf h dan Peraturan KPU No. 69 Tahun 2009 tentang Pedoman teknis kempen pemilihan umum pemimpin daerah. Pasal 24.

pemimpin daerah, 2) 3 Penalis Debat yang ditunjuk KPUD Kab. Berau,⁷⁰ 3) 1 Moderator yang ditunjuk oleh KPUD Kab. Berau, 4) Penonton, sejumlah orang yang dijemput khusus oleh KPUD kab. Berau untuk menyaksikan. Tidak hanya itu untuk boleh ditonton seluruh masyarakat Kabupaten Berau KPUD kab. Berau bekerja sama dengan Berau TV, TV Kaltim dan TV Kabel untuk menyiarkan debat public antara ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah kabupaten Berau.⁷¹

Topic debat publik meliputi tiga tajuk iaitu 1). Mewujudkan menejerial kerajaan yang baik dan bersih serta menegakkan Supremasi Hukum, dan Hak Asasi Manusia, 2) Strategi peningkatan kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat Berau, 3) Strategi peningkatan pemanfaatan sumberdaya alam di bidang perikanan, perkebunan, pertambangan dan parwisata. Ketiga topik tersebutlah yang ramai diperdebatkan oleh ke-tiga pasangan calon. Sedangkan para penalis mendalami visi misi dan program kerja ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah dengan mempertanyakan beberapa soalan.

Adapun tata cara debat diawali dengan pemaparan visi, misi dan program kerja ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah secara. Masing-masing pasangan calon diberi waktu 7-10 menit secara berurutan. Kemudian penalis mengajukan pertanyaan kepada ke-tiga pasangan calon, pasangan calon diberi waktu maksimal tiga menit untuk menjawab pertanyaan penalis.⁷² Dalam debat ini pula ke-tiga pasangan calon diberikan waktu untuk bertanya kepada pasangan calon yang dikehendaknya akan tetapi kesempatan ini tidak dimanfaatkan ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau sehingga Debat Publik yang diadakan

⁷⁰ Ke-tiga penalis yang dijemput khusus oleh KPUD kab. Berau adalah 1). Inhanuddin Nursy (Pakar Ekonomi) 2. Didik Suprianto (Mantan Panwaslu Pusat) 3. DR. Ketut Gunawan (dosen Ilmu Pemerintahan Universitas Mulawarman). Lihat Koran Kota Kaltim, tarikh 4 Julai 2010. "Debat Kandidat Cabup Berau Hambar"

⁷¹ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁷² Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

KPUD Kab. Berau tidak ada perdebatan dan pengujian visi, misi dan program kerja ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah, sebab itu debat tersebut terasa hambar.⁷³

ii. Bentuk Kempen

Bentuk-bentuk kampanye yang boleh dilaksanakan dalam masa kempen adalah:⁷⁴ 1) Pertemuan terbatas, 2) Tatap muka, 3) Penyebaran melalui media cetak dan media elektronik, 4) Penyiaran melalui radio dan/atau televisise, 5) Penyebarluasan bahan kempen kepada umum, 6) Pemasangan alat peraga di tempat umum 7) Rapat umum 8) Debat public/debat terbuka antar calon, 9) Kegiatan lain yang tidak melanggar peraturan perundang-undangan.

Bentuk kempen dengan pertemuan terbatas, dilaksanakan dalam ruangan atau gedung yang tertutup. Jumlah peserta tidak melampaui kapasitas gedung, dengan jumlah peserta paling ramai 1000 orang untuk tingkat Kabupaten. Untuk menghadirkan peserta pasangan calon dan tim kempen harus mengirimkan undangan yang memuat hari, tarikh waktu, tempat, nama pembicara dan penanggungjawab. Tidak lupa pasangan calon dan tim kempen memberitahukan secara tertulis kepada polis tempatan dengan tembusan kepada KPUD Kab. Berau dan PANWAS Kab. Berau berkenaan dengan hari, tarikh, waktu, tempat, nama pembicara dan penanggungjawab serta jumlah orang yang dijemput. Pasangan calon dan tim kempen hanya diperbolehkan membawa atau menggunakan No. urut dan foto pasangan calon, tanda gambar parti politik, atau gabungan parti politik pengusul, bendera atau umbul-umbul daripada pasangan yang mengadakan kempen di tempat pertemuan terbatas. Atribut pasangan calon hanya dibolehkan dipasang sampai

⁷³ Pos Kota Kaltim, tarikh 4 Julai 2010. "Debat Kandidat Cabup Berau Hambar"

⁷⁴ Peraturan Komisi Pemilihan Umum No. 69 Tahun 2009 tentang Pedoman Teknis Kempen Pemilihan umum pemimpin daerah. Lihat juga Keputusan Komisi Pemilihan Umum Daerah Kabupaten Berau No. 23/Kpts/KPU-Kab. Berau/021.436141/Tahun 2010 huruf C, Bentuk Kempen.

halaman gedung atau tempat pertemuan terbatas dan tidak diperbolehkan dipasang di luar halaman gedung atau tempat pertemuan terbatas.⁷⁵

Kempen dalam bentuk tatap muka dan dialog dilaksanakan di dalam ruangan tertutup atau gedung dengan jumlah peserta tidak melampaui kapasitas gedung sesuai dengan jumlah tempat duduk, dengan jumlah peserta maksimal 250 orang. metode yang digunakan dengan berdialog bersifat interaktif. Sebelum diadakan pasangan calon atau tim kempen diwajibkan menjemput dengan memuat hari, tarikh, waktu, tempat, nama pembicara dan penanggungjawab acara. Pemberitahuan daripada pasangan calon dan tim kempen secara tertulis kepada polis tempatan dengan tembusan disampaikan kepada KPUD Kab. Berau dan PANWA Kab. Berau terkait dengan hari, tempat, waktu, tarikh, pembicara dan penanggungjawab serta jumlah yang dijemput. Pasangan calon hanya diperbolehkan membawa foto pasangan calon atau atribut, simbol-simbol, bendera atau umbul-umbul di dalam tempat pertemuan tatap muka dan dialog. Atribut pasangan calon hanya dibolehkan dipasang sampai dengan halaman gedung tatap muka dan dialog, atau paling jauh 200 meter di luar halaman gedung tatap muka dan dialog.⁷⁶

Adapun kempen dalam bentuk penyebaran melalui media cetak dan media elektronik dilaksanakan melalui media cetak dan media elektronik dengan memberikan kesempatan yang sama kepada pasangan calon untuk memaparkan visi, misi dan program pasangan calon dengan menentukan durasi, bentuk, dan substansi pemberitaan/penyiaran berdasarkan kebijakan redaksional. Berita yang disiarkan harus sesuai dengan ketentuan peraturan perundang-undangan dan kode etik

⁷⁵ Keputusan Komisi Pemilihan Umum Kabupaten Berau No. 23/KPTS/KPU-Kab.Berau/021.436141/Tahun 2010 tentang Petunjuk Teknis Kempen dalam pemilihan umum pemimpin daerah kabupaten berau tahun 2010 huruf (c) 1. h. 6

⁷⁶ Ibid. h. 6

jurnalistik. Media cetak dan media elektronik boleh menyediakan rubric khusus bahagi pasangan calon.⁷⁷

Sedangkan kempen dalam bentuk penyiaran melalui radio dan atau televisi dilaksanakan dalam bentuk promosi yang disesuaikan dengan pengaturan jadwal promosi dengan ketentuan kesempatan yang tidak digunakan oleh pasangan calon tidak boleh dimanfaatkan oleh pasangan calon lainnya. Apabila dilaksanakan dalam program berbentuk perbincangan (dialog interaktif) maka harus disiapkan para pakar yang sesuai dengan bidangnya. Adapun penyampaian materi kempen dalam bentuk promosi melalui media cetak/elektronik kepada stasiun telivisi, radio, atau surat kabar paling lambat 3 (tiga) hari sebelum mulai kempen.⁷⁸

Kempen dalam bentuk penyebaran bahan kempen kepada halayak umum dilaksanakan pada kempen pertemuan terbatas, tatap muka, dan dialog dan atau tempat umum. Penyebaran bahan kempen berbentuk selebaran, stiker, topi, barang-barang cindramata atau barang lain seperti buku, gantungan kunci, minuman atau makanan kemasan dengan gambar pasangan calon dan atau dengan slogan pasangan calon.⁷⁹

Adapun kempen dalam bentuk pemasangan alat peraga dilaksanakan setelah ada kepastian dan ketetapan daripada KPUD Kab. Berau, PPK, PPS daripada hasil musyawarah dengan pemerintahan Kabupaten, Kecamatan dan Kampung lokasi mana sahaja yang boleh dilekatkan alat peraga untuk keperluan kempen. Alat peraga tidak dibolehkan ditempatkan di rumah ibadat, hospital atau fasiliti umum milik kerajaan. Alat peraga diperbolehkan diletakkan di tempat milik perseorangan atau badan swasta dengan izin tertulis pemilik. Pemasangan alat peraga tersebut harus berjarak paling sedikit 1 (satu) meter daripada alat peraga pasangan calon lainnya.

⁷⁷ Ibid. h. 6-7

⁷⁸ Ibid, h. 7

⁷⁹ Ibid., h. 7

Dalam hal ini KPUD Kab. Berau berkewajiban untuk memindahkan alat peraga yang tidak memenuhi ketentuan jarak tersebut. Pemerintahan daerah setempat dan aparat keamanan berwenang diizinkan untuk melepas atau memindahkan alat peraga yang melanggar ketentuan di atas. Untuk kebersihan pasangan calon atau tim kempen wajib membersihkan alat peraga kempen paling lambat 1 (satu) hari sebelum masa tenang.⁸⁰

Kempen dalam bentuk rapat umum dilaksanakan di ruang terbuka (lapangan, atau stadion) dengan peserta tidak melebihi kapasitas tempat terbuka tersebut. Peserta yang hadir tidak terbatas masa penyokong, warga masyarakat umum diperbolehkan menyaksikan kempen terbuka tersebut. Pasangan calon atau tim kempen berkewajiban memberitahukan secara tertulis kepada KPUD Kab. Berau dan PANWAS kab. Berau berkaitan dengan hari, tarikh, waktu, tempat, nama pembicara, dan penanggungjawab serta jumlah orang yang akan hadir. Pasangan calon atau tim kempen hanya diperbolehkan membawa atau menggunakan foto pasangan calon atau atribut, simbol-simbol, pendera atau umbul-umbul daripada pasangan calon yang melaksanakan kempen.⁸¹

Sedangkan kempen dalam bentuk debat public/debat terbuka antar pasangan calon dilakukan oleh KPUD Kab. Berau dan disiarkan langsung oleh Televisi Kaltim dan TV Berau serta TV kabel. Dilaksanakan KPUD Kab. Berau sebanyak 1 (satu) kali pada tarikh 3 Julai 2010. Pada acara tersebut moderator debat pasangan calon dipilih oleh KPUD Kab. Berau daripada kalangan professional dan akademisi yang mempunyai integritas tinggi, jujur, simpatik dan tidak memihak kepada salah satu pasangan calon.⁸²

⁸⁰ Ibid., h. 7

⁸¹ Ibid., h. 7

⁸² Ibid., h. 7

Untuk kempen yang berbentuk kegiatan lain yang tidak melanggar peraturan undang-undang boleh berbentuk seperti deklarasi pasangan calon, ulang tahun, social budaya, perlombaan olah raga, istighosah, jalan santai dan tablig akbar.

Dalam sesuatu pemilihan pimpinan di zaman moden sekarang kempen retorik merupakan hal yang mustahak di mana calon pimpinan berkempen kepada pemilih yang bersifat komunikasi, sama ada dalam bentuk tulisan, percakapan seperti membujuk undi, bentuk deraham ataupun dalam bentuk bujukan dalam tulisan setiker, baleho dll. Antara prinsip moral dan etik yang ditetapkan oleh syari'ah dalam kempen adalah sebagai berikut:

Pertama: Perinsip jujur dan benar ketika berhubung dengan orang ramai. Perinsip ini berpandukan kepada perintah syari'ah yang mengharamkan semua jenis ketidakjujuran dan pembohongan, seperti yang disebutkan di dalam firman-Nya:

﴿١٨﴾ مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Maksudnya:

Tiada suatu ucapanpun yang diucapkannya melainkan ada di dekatnya malaikat Pengawas yang selalu hadir.

Surat Qof (50): 18

Kedua: Perinsip yang berkaitan dengan moral di dalam aktiviti kempen pemilihan pemimpin ialah “tidak mencabuli kehormatan dan kemuliaan pihak lawan”⁸³

Oleh sebab itu pelaksanaan kempen dalam pemilihan pemimpin daerah Kabupaten Berau telah bersesuaian dengan perspektif Islam. Meskipun ada ramai bentuk kempen yang dipolehkan dan kesemuanya selagi tidak melanggar ketentuan agama maka diperbolehkan.

⁸³ Lukman Thaib (1995), *Syura dan Aplikasinya dalam Sistem Pemerintahan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Penerbit Elman., h. 240

iii. Larangan Kempen

Pelarangan berkempen bahagi pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau dan tim kempen pasangan calon pemimpin daerah iaitu: 1) pada waktu sebelum tarikh dimualainya masa kempen iaitu tarikh sebelum tarikh 20 Jun 2010 sampai 3 Julai 2010, 2) pasangan calon dilarang berkempen di luar waktu yang telah ditentukan dan 3) tiga hari sebelum tarikh 7 Julai 2010 tarikh dimana diadakan pengambil suara iaitu tarikh 4 Julai sampai dengan tarikh 6 Julai 2010 dilarang untuk berkempen.⁸⁴

Selain perkara-perkara di atas ada beberapa perkara yang juga dilarang dalam kempen pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau.⁸⁵

1. Mempersoalkan dasar Negara Pancasila dan Pembukaan UUD Negara Republik Indonesia tahun 1945
2. Menghina seseorang, agama, suku, ras, golongan, calon pemimpin daerah/wakil pemimpin daerah dan /atau parti politik
3. Menghasut atau mengadu domba parti politik, perseorangan dan/atau kelompok masyarakat
4. Menggunakan kekerasan, ancaman kekerasan atau menganjurkan penggunaan kekerasan kepada perseorangan, kelompok masyarakat dan/atau parti politik
5. Mengganggu keamanan, ketentraman dan ketertiban umum
6. Mengancam dan menganjurkan menggunakan kekerasan untuk mengambil alih kekuasaan daripada pemerintahan yang sah
7. Merusak dan/atau menghilangkan alat peraga kempen pasangan calon lain

⁸⁴ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁸⁵ Lembaran Negara Republik Indonesia Undang-undang No. 32 Tahun 2004 tentang Pemerintahan Daerah pasal 78

8. Menggunakan fasilitas dan anggaran kerajaan pusat dan pemerintah daerah
9. Menggunakan rumah ibadah, dan tempat pendidikan
10. Melakukan pawai atau arak-arakan yang dilakukan dengan berjalan kaki dan/ atau dengan keduanya di jalan raya.
11. Pasangan calon atau tim kampanye dilarang menjanjikan dan atau memberikan uang atau materi lainnya untuk mempengaruhi pemilih.

Pelanggaran atas larangan No. 1,2,3,4,5 dan 6 merupakan tindakan pidana dan akan dikenai sanksi berdasarkan peraturan perundang-undangan. Untuk pelanggaran atas larangan No. 7,8,9 dan 10 dikenakan sanksi berupa peringatan tertulis dan pemberhentian kegiatan kampanye di tempat terjadinya kesalahan atau di satu daerah yang boleh mengakibatkan terhadap keamanan yang berpotensi menyebar ke daerah pemilihan lain. Sedangkan untuk kesalahan dengan No. 11 berdasarkan putusan pengadilan yang telah mempunyai kekuatan hukum tetap dikenai sanksi pembatalan sebagai pasangan calon oleh DPRD.⁸⁶

Larangan terhadap penglibatan orang-orang dengan jawatan tertentu, yaitu:

1) Hakim di semua jenis dan tingkatan peradilan 2) pejabat BUMN/BUMD 3) pejabat struktural dan fungsional dalam jawatan negeri 4) kepala kampung.⁸⁷

Larangan ini tidak berlaku apabila pejabat yang bersangkutan menjadi calon pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah. Seorang pejabat Negara yang menjadi calon pemimpin daerah dan wakil pemimpin daerah dalam melaksanakan kampanye, harus memenuhi ketentuan, sebagai berikut:⁸⁸

⁸⁶ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

⁸⁷ ⁸⁷ Lembaran Negara Republik Indonesia No. 32 Tahun 2004 tentang Pemerintahan Daerah pasal 79 ayat 1.

⁸⁸ Lembaran Negara Republik Indonesia No. 32 Tahun 2004 tentang Pemerintahan Daerah pasal 79 ayat 3.

1. Tidak menggunakan fasilitas yang terkait dengan jabatannya
2. Menjalani cuti di luar tanggungan Negara dan
3. Pengaturan lama cuti dan jadwal cuti, dengan memperhatikan keberlangsungan tugas penyelenggaraan pemerintah daerah.
4. Pasangan calon dilarang melibatkan pegawai negeri sipil, anggota tentara nasional Indonesia, dan anggota polis negara Republik Indonesia sebagai peserta kampanye dan petugas kampanye dalam pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau.

Dalam pelaksanaan pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau terdapat beberapa catatan yang dicatat oleh PANWAS Kab. Berau tentang pelanggaran-pelanggaran yang dilakukan pasangan calon pemimpin daerah atau tim kampanye mereka. pelanggaran tersebut ada yang bersifat administratif dan pidana. Untuk pelanggaran administratif PANWAS Kab. Berau akan menyerahkan kepada KPUD Kab. Berau sedangkan untuk pelanggaran yang bersifat pidana PANWAS Kab. Berau menindaklanjuti kepada Polis Kabupaten Berau.⁸⁹

Untuk pelanggaran administratif seperti yang dilaporkan pasangan calon dan tim kampanye No. urut 2 pasangan calon H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah mengenai kelaian KPUD Kab. Berau tidak memberi tarikh pada sertifikasi rekapitulasi penghitungan suara pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau. Terdapat Daftar Pemilih Tetap tidak memiliki NIK seramai 14.534 orang yang ikut mengundi pada pemilihan umum pemimpin daerah. Adapun pelanggaran yang sering dijumpai PANWAS di lapangan hampir seluruh pasangan calon dan tim kampanye melakukannya iaitu pelanggaran teknis seperti berkempen

⁸⁹ Hasil Wawancara Bersama Akmal, S.Ag. Ketua PANWAS Kab. Berau, tanggal 7 November 2010

lebih daripada masa waktu yang ditetapkan, tidak melepas atribut kempen setelah habis masa kempen atau masuk masa tenang, mengikut sertakan anak-anak dalam kempen, memasang atribut di pagar sekolahan dan ditempat-tempat umum. Pelanggaran teknis tersebut biasanya diberikan peringatan tertulis kepada pasangan calon atau tim kempen bahkan bahagi tim kempen berkempen lebih daripada waktu yang ditentukan PANWAS terkadang memberhentikan kempenya atau pencopotan atribut bagi pasangan calon yang melanggar ketertiban umum. Untuk pelanggaran yang bersifat pidana yang dicatat oleh PANWAS adalah kejadian pada masa tenang, tarikh 4 Julai 2010 pukul 23.00 yang mana tim satgas⁹⁰ pasangan calon No. urut 1 melaporkan ke PANWAS Kab. Berau bahawa ada 2 orang membahagikan tabloid sebanyak 160 eksemplar pasangan calon No. urut 2 H. Soehartono Soetjipto dan H. Liliyansyah dan kasus ini ditindak lanjuti kepada kepolisian Kabupaten Berau sangsi yang mungkin boleh dikenakan adalah sangsi pidana sesuai Undang-undang No. 32 tahun 2004 pasal 116 boleh diancam minimum dengan kurungan 15 hari saman IDR.100 000 atau diancam maksimal 1 bulan penjara dan saman IDR. 1000 000.⁹¹

iv. Dana Kempen

Dana kempen adalah dana yang digunakan pasangan calon untuk hal-hal teknis yang pelaksanaannya dilaksanakan tim kempen dalam kempen pasangan calon pemimpin daerah. Sumber dana kempen yang dibolehkan bersumber daripada 1) pasangan calon yang bersangkutan. 2) Parti Politik dan Gabungan parti politik yang mengusung pasangan calon dan 3) Sumbangan pihak-pihak lain yang tidak mengikat

⁹⁰ Tim Satgas adalah satuan pengamanan (security) yang dibentuk oleh tim kempen pasangan calon nomor urut 1 Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM untuk mengamankan atau menjaga keadaan di masa tenang agar tidak ada pihak pasangan calon lain berbuat yang boleh merugikan pasangan calon No. urut 1. masing-masing tim kempen daripada ke-tiga pasangan calon memiliki tim satgas.

⁹¹ Hasil Temu Bual Bersama Akmal, S.Ag. Ketua PANWAS Kab. Berau, tanggal 7 November 2010

yang meliputi sumbangan perorangan yang tidak boleh lebih daripada IDR. 50.000.000,- atau sumbangan kelompok, perusahaan atau badan hukum swasta yang tidak melebihi IDR. 350.000.000,-. Bahagi penyumbang yang lebih daripada 2 juta 5 ratus ribu IDR diwajibkan untuk mencantumkan identitas lengkap seperti nama lengkap dan alamat. Dana kempen tidak hanya terbatas berupa uang, barang dan jasa juga diperbolehkan.⁹²

Adapun pasangan calon dilarang menerima sumbangan atau bantuan lain untuk kempen yang berasal daripada. 1) Negara Asing, lembaga swasta asing, lembaga swadaya masyarakat asing, dan warga negara asing. 2) Penyumbang atau pemberi bantuan yang tidak jelas identitasnya. 3) Pemerintah, Pemerintah daerah, badan usaha milik negara dan badan usaha milik daerah.

Dana kempen berupa uang wajib untuk dicatat dalam pembukuan khusus dana kempen dan ditempatkan pada rekening khusus dana kempen pasangan calon pada bank. Sedangkan dana kempen berupa sumbangan dalam bentuk barang atau jasa dicatat berdasarkan harga pasar yang wajar pada saat sumbangan itu diterima. Dana kempen berbentuk uang dan berbentuk barang atau jasa wajib dicatat dalam pembukuan penerimaan dan pengeluaran khusus dana kempen yang terpisah daripada pembukuan keuangan pasangan calon masing-masing.⁹³

Pembukuan dana kempen tersebut dimulai sejak 3 hari setelah pasangan calon ditetapkan sebagai Peserta Pemilihan pemimpin daerah Kabupaten Berau dan ditutup 7 (tujuh) hari sebelum penyampaian laporan penerimaan dan pengeluaran dana kempen kepada pejabat akuntan public yang ditunjuk KPUD kab. Berau. Pasangan calon dan tim kempen melaporkan dana kempen kepada KPUD kab. Berau

⁹² Peraturan Komisi Pemilihan Umum No. 69 Tahun 2009 tentang Pedoman teknis kempen pemilihan umum pemimpin daerah pasal 77 ayat 2 huruf (a,b,c) dan pasal 79.

⁹³ Peraturan Komisi Pemilihan Umum No. 69 Tahun 2009 tentang Pedoman teknis kempen pemilihan umum pemimpin daerah pasal 80 ayat 1,2,3.

1 (satu) hari sebelum dimulai kempen dan satu hari setelah berakhirnya kempen. Kerana kempen dimulai pada tarikh 20 Jun 2010 sampai dengan 3 Julai 2010 untuk pelaporan penerimaan dana kempen dilakukan pada tarikh 19 Jun 2010 (untuk penerimaan dana kempen tahap I), dan pada tarikh 4 Julai 2010 (untuk penerima dana kempen tahap II). Laporan penerimaan dana kempen tahap I adalah penerimaan dana kempen daripada tarikh 12 Mei 2010 sampai dengan 19 Jun 2010 dan laporan penerimaan dana kempen tahap II daripada tarikh 20 Jun 2010 sampai dengan 3 Julai 2010.⁹⁴

Laporan penerimaan dana kempen ke KPUD Kab. Berau mencantumkan identitas penyumbang, alamat, dan No. telpon yang boleh dihubungi. Pasangan calon atau tim kempen melaporkan penggunaan dana kempen kepada KPUD Kab. Berau paling lama 3 (tiga) hari setelah berakhirnya pengambil suara, kerana pengambil suara tarikh 7 Julai 2010 maka penyampaian laporan dana kempen tarikh 9 Julai 2010.⁹⁵

Daripada hasil observasi dan pengamatan pengkaji. Pengkaji tidak memperolehi sebarang data jumlah dana yang diperolehi dan di keluarkan serta nama dan identitas pemberi bantuan kempen pada kempen pemilihan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau 2010. samaada daripada KPUD Kab. Berau mahupun daripada pasangan calon dan atau tim kempen mereka. Dalam undang-undang tidak ada yang pembahasan tentang jumlah maksimal dana kempen pasangan calon pemimpin daerah. Sehingga transparansi dana serta kesetaran pasangan calon dalam segi dana kempen tidak boleh diwujudkan dan ini berimpak pada kempen-kempen yang dilaksanakan pasangan calon.

⁹⁴ Peraturan Komisi Pemilihan Umum No. 69 Tahun 2009 tentang Pedoman teknis kempen pemilihan umum pemimpin daerah pasal 81

⁹⁵ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

Memandang tidak wujudnya pemilihan pemimpin seperti saat sekarang, maka agak sukar bagi kita untuk membolehkan peruntukan undang-undang yang bersifat khas dalam hal pembiayaan kempen. Dalam sejarah Islam yang agak dekat dengan masalah ini ialah penggunaan wang dalam merebut jawatan hakim. Untuk sampai kepada tujuan asal kita haruslah menggunakan qiyas yang dianggap salah satu sumber perundangan Islam.

Kebanyakan ulama, kecuali ulama Hambali berpenbolehan bahawa membelanjakan wang bagi merebut jawatan hakima adalah sah jika perbelanjaan sedemikian adalah perlu.⁹⁶ Walau bagaimanapun, ulama golongan maliki mempunyai pendirian yang lebih tegas sebagaimana yang akan dikutipkan berikut, "Membelanjakan wang bagi merebut jawatan hakim hanya sah dalam tiga keadaan: Jika perbelanjaan perlu, iaitu jawatan tersebut tidak boleh diperolehi jika wang tidak dibelanjakan untuk tujuan itu: jika pembelanja memberi tahu bahawa masalah ummah akan timbul jika ia tidak memegang jawatan itu; jika ia yakin bahawa hak dan tanggungjawab akan hilang kecuali ia menjadi hakim. Perbelanjaan dilarang bagi tujuan lain.⁹⁷ Kebenaran penggunaan wang tersebut di atas adalah berdasarkan andaian bahawa calon yang bersaing dalam hal itu adalah mempunyai moral atau akhlak yang mulia serta mementingkan kepentingan atau kemaslahatan.

Oleh yang demikian, bahawa membelanjakan wang mengikuti batas-batas yang ditetapkan oleh syar'iah bagi merebut jawatan pemimpin daerah adalah sah dengan berpanduan hal tersebut di atas tadi.

⁹⁶ Harold Lakis (1971), *An Introduction to Politics*, London: Unwin Books, h. 58

⁹⁷ Abu Yusuf (1302 H), *Al-Kharaj*. Kaherah: Matba'ah Bulaq, h. 130-131.

d. Pengambil, Perhitungan Undi dan Penyelesaian Sengketa

Proses Pengambil dan penghitungan undi dalam tahap pelaksanaan pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau sangatlah penting sebab dengan pengambil dan penghitungan undi yang baik terlepas daripada perbuatan tidak terpuji seperti manipulasi hasil penghitungan suara, maka pelaksanaan pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau di nilai baik. Untuk itu pengkaji akan menjelaskan kegiatan pengambil dan penghitungan undi pada pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010.

i. Kegiatan Pengambil Undi

Kegiatan pengambil Undi didahului dengan pengecekan persiapan pengambil undi oleh KPUD Kab. Berau dengan cara memeriksa hasil pembentukan KPPS oleh PPS serta memberi bimbingan teknis pengambil undi dan penghitungannya kepada ketua dan anggota KPPS bersama dengan PPS, ini bertujuan agar ketua dan anggota KPPS mampu melaksanakan kegiatan pengambilan undi dengan baik dan mengetahui solusi apabila di tengah pelaksanaan pengambil undi menemukan permasalahan.⁹⁸

KPPS dan anggotanya yang telah menboleh bimbingan teknis daripada KPUD Kab. Berau dan PPS diberi tugas untuk memaparkan daftar pemilih tetap untuk TPS, pengawas Pemilu Lapangan dan saksi pasangan calon pada tarikh 27 Jun 2010 sampai dengan tarikh 6 Julai 2010.

Jadual 4.19
Daftar Pemilih Tetap Per-Kecamatan Tahun 2010

Kecamatan	Pemilih Terdaftar			Jumlah TPS	Jumlah PPS
	Laki-Laki	Perempuan	Jumlah		

⁹⁸ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

Tanjung Redeb	22,969	19,779	42,748	125	6
Sambaliung	9,796	7,981	17,777	54	14
Gunung Tabur	6,266	4,705	10,971	34	11
Teluk Bayur	6,972	5,891	12,863	39	6
Maratua	1,035	981	2,016	7	4
Derawan	3,305	2,686	5,991	13	5
Tabalar	2,024	1,618	3,642	15	6
Biatan	1,903	1,482	3,385	15	8
Segah	3,641	2,595	6,236	23	11
Kelay	1,795	1,267	3,062	22	14
Talisayan	3,949	2,958	6,907	19	9
Biduk-Biduk	2,020	1,702	3,722	12	6
Batu Putih	2,502	1,854	4,356	12	7
Jumlah	68,177	55,499	123,676	390	107

Sumber: Komisi Pemilihan Umum Daerah Kab. Berau

Data dan maklumat di atas menunjukkan bahawa jumlah TPS se-Kabupaten Berau sebanyak 390 TPS. Pembahagian TPS di dasarkan kepada jumlah masyarakat di setiap RT/Kampung, untuk 1 TPS maksimal diisi dengan 300 orang pengundi. Apabila satu RT/Kampung memiliki jumlah penduduk lebih daripada 300 orang pengundi maka akan didirikan 2 TPS.

KPPS beserta anggotanya berkewajiban untuk mengumumkan dan memberitahukan lokasi pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau, serta mengumumkan hari dan waktu pengambil undi di TPS. Pada pemilihan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau diadakan pada tarikh 7 Julai 2010 sesuai dengan putusan Gabenor Kalimantan Timur 283.3-6014/Pem.um.A/2010 yang mana memutuskan penetapan hari pengambil suara pemilihan umum pimpinan daerah Kabupaten Berau pada hari Rabu tarikh 7 Julai 2010 dan hari tersebut dijadikan sebagai hari libur di daerah Kabupaten Berau.⁹⁹

Satu hari sebelum diadakan pengambil undi di TPS, para saksi ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau telah memaparkan surat tugas daripada tim kempen masing-masing pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau kepada petugas KPPS untuk diteliti oleh KPPS tentang keabsahannya.

⁹⁹ Surat Keputusan Gabenor Kalimantan Timur No. 283.3-6014/Pem.um.A/2010 Tarikh 30 Jun 2010

Apabila telah memenuhi persyaratan, maka keesokan harinya pengambil undi boleh dimulai sejak pukul 07.00 pagi sampai 13.00 siang. Bahagi masyarakat yang mengambil undi setelah pukul 13.00 siang KPPS akan menolaknya, disebabkan setelah pukul 13.00 siang seluruh KPPS menghitung perolehan suara masing-masing pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau.

Tata cara pengambilan undi daripada pengundi dilakukan dengan mencucuk salah satu pasangan calon dalam surat suara. Surat undi dinyatakan sah apabila surat undi ditandatangani oleh ketua KPPS, bentuk pemberian tanda adalah tanda coblos, pencoblosan dilakukan hanya satu kali pada kolom Nombor, foto, nama salah satu pasangan calon pemimpin daerah, mencucuk lebih daripada satu, akan tetapi masih di dalam salah satu kotak segi empat yang memuat Nombor, foto, dan nama pasangan calon dan mencucuk pada salah satu garis kotak segi empat yang memuat Nombor, foto dan nama pasangan calon. Sedangkan surat undi dinyatakan tidak sah apabila, mencucuk lebih daripada satu kali pasangan calon dan mencucuk di luar kotak segi empat yang disediakan.¹⁰⁰

ii. Penghitungan Undi

Pada tarikh 7 Julai 2010 setelah pukul 12 siang, seluruh KPPS dan anggotanya serta saksi-saksi ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau memulai menghitung surat undi yang ada di dalam kotak undi hasil pengambil undi masyarakat Kabupaten Berau. Dalam penghitungan ini seluruh saksi ke-tiga pasangan calon pemimpin daerah boleh mengajukan keberatan kepada KPPS apabila mereka menemukan keganjalan dalam surat undi kemudian KPPS dan anggotanya

¹⁰⁰ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

serta para saksi yang lain boleh bermusyawarah dan menetapkan surat undi tersebut apakah sah atau tidak sah.¹⁰¹

Setelah menghitung surat undi dalam kotak undi di TPS oleh KPPS dan saksi ke-tiga pasangan calon pimpinan daerah Kabupaten Berau, mereka menyusun dan memaparkan sertifikat hasil penghitungan suara di TPS kepada PPK melalui PPS yang sudah dimasukkan dalam kotak undi yang terkunci dan disegel pada hari pemilihan tersebut tarikh 7 Julai 2010. PPS hanya menerima dan mengumumkan hasil penghitungan undi dan memaparkan kotak undi yang masih terkunci dan disegel yang berisi berita acara dan sertifikat hasil penghitungan undi oleh KPPS kepada PPK disaksikan ke-tiga saksi pasangan calon pimpinan daerah. PPK menerima dan membacakan rekafitulasi perolehan undi masing-masing pasangan calon di hadapan ke-tiga saksi pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau selama 3 hari iaitu daripada tarikh 8 Julai 2010 sampai dengan 10 Julai 2010. Apabila tidak ada kesamaan data baik daripada pihak saksi dan PPK maka saksi pasangan calon boleh mengajukan keberatan dan PPK boleh mengambil keputusan bersama-sama saksi yang lain apakah diterima atau ditolak. Setelah itu barulah PPK menyusun dan memaparkan berita acara dan rekapitulasi hasil penghitungan undi di tingkat kecamatan kepada KPUD Kab. Berau.¹⁰²

KPUD Kab. Berau menerima dan mengumumkan berita acara dan rekapitulasi hasil penghitungan suar daripada PPK kepada saksi ke-tiga pasangan calon pimpinan daerah Kabupaten Berau. Apabila saksi keberatan dengan hasil rekapitulasi hasil penghitungan suara, saksi diperbolehkan mengajukan keberatan kepada KPUD Kab. Berau. Apabila tidak terselesaikan di tingkat KPUD Kab. Berau,

¹⁰¹ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

¹⁰² Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

pasangan calon yang tidak menerima hasil rekapitulasi KPUD Kab. Berau boleh mengajukan keberatan kepada Mahkamah Konstitusi.¹⁰³

Jadual 4.20
Rekapitulasi Hasil Penghitungan Suara Pemilihan Umum Pemimpin Daerah Dan Wakil Pemimpin Daerah Kabupaten Berau Tahun 2010

Kecamatan	No. Urut Pasangan Calon			Suara Sah	Suara Tidak Sah	Jumlah
	1	2	3			
Tanjung Redeb	16.956	8.127	983	26.066	389	26.455
Gunung Tabur	5.417	1.459	284	7.160	101	7.261
Teluk Bayur	5.123	2.835	450	8.408	481	8.889
Sambaliung	7.378	3.450	434	11.262	127	11.389
Kelay	1.636	504	75	2.215	82	2.297
Segah	2.802	1.536	180	4.518	66	4.584
Pulau Derawan	2.515	1.274	216	4.005	24	4.029
Maratua	1.022	381	144	1.547	9	1.556
Tabalar	1.691	943	73	2.707	26	2.733
Biatan	1.211	1.237	73	2.521	24	2.545
Talisayan	2.657	1.724	164	4.545	26	4.571
Batu Putih	1.996	882	86	2.964	83	3.047
Biduk-biduk	1.787	738	112	2.635	30	2.665
Jumlah	52.191 (65%)	25.088 (31%)	3.274 (4%)	80.553	1.468	82.021

Sumber: Komisi Pemilihan Umum Daerah Kabupaten Berau

Data dan maklumat tersebut diatas menunjukkan rekapitulasi hasil penghitungan surat undi pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau. Dimana pasangan calon No. urut 1 pasangan calon Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM, memperoleh seramai 52.191 undi setara dengan 65% daripada undi sah, menenpati peringkat pertama perolehan undi daripada kedua pasangan calon pemimpin daerah lainnya iaitu H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah, dan H. Hendry Gunawan, SH dan Amir Husin, S.Pd, MM. Adapun pasangan calon nomer urut 2 pasangan calon H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah memperolehi seramai 25.088 undi setara dengan 31% daripada undi sah, menenmpati peringkat kedua perolehan undi. Sedangkan pasangan calon

¹⁰³ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

perseorangan pemimpin daerah pasangan calon H. Hendry Gunawan, SH dan Amir Husin, S.Pd, MM memperoleh seramai 3.274 undi setara dengan 4% daripada suara sah menempati peringkat ketiga perolehan undi. Pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau No. urut 1 ditetapkan sebagai pemimpin daerah Kabupaten Berau oleh KPUD Kab. Berau pada tarikh 13 Julai 2010 setelah hasil Rekapitulasi diumumkan.¹⁰⁴ Pasangan calon pemimpin daerah No. urut 1 telah melewati batas ketentuan undang-undang No. 32 tahun 2004 pasal 107 ayat (1) dan (2) yang mana pasangan calon pemimpin daerah yang memperoleh undi lebih daripada 50% jumlah undi sah ditetapkan sebagai pasangan calon terpilih, apabila ketentuan sebagaimana tersebut pada ayat (1) tidak dipenuhi, pasangan calon pemimpin daerah yang perolehi suara lebih daripada 30% (tiga puluh peratus) daripada jumlah undi sah, pasangan calon yang memperoleh suaranya terbesar dinyatakan sebagai pasangan calon terpilih pada pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau.¹⁰⁵

Pada pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau seramai 82.021 orang, berpartisipasi dalam pemilihan pemimpin Kabupaten Berau dengan mendatangi TPS-TPS yang telah ditentukan KPUD Kab. Berau untuk memilih salah satu pasangan calon yang akan memimpin mereka 5 tahun ke hadapan. Daripada 82.021 orang yang ikut memilih ada seramai 1.468 undi yang dinyatakan tidak sah dan hanya sebanyak 80.553 undi yang sah.

Dalam kajian Islam tentang tatacara mengambil undi di zaman Islam klasik terhadap pemilihan pemimpin. Umat Islam untuk mengambil undi atau berbai'ah terhadap imam yang dipilihnya ia dengan menyalami tangan pemimpin yang dipilihnya. seperti yang dilakukan para sahabat dan masyarakat Madinah ketika

¹⁰⁴ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

¹⁰⁵ Lembaran Negara Undang-undang No. 32 tahun 2004 tentang Pemerintahan Daerah pasal 107.

melantik Khalifah Abu Bakr menjadi Khalifah.¹⁰⁶ Hal tersebut tentunya merupakan suatu cara sahaja yang bukan suatu keharusan memilih pemimpin dengan hanya cara tersebut menyalami tangan pemimpin. Islam tidak menutup bagi cara yang boleh memberikan hasil yang lebih baik pada masa sekarang di mana teknologi semakin berkembang dan alat transportasi yang begitu mudah, sehingga memungkinkan untuk masa hadapan pemilihan pemimpin cukup melayari internet. Cara mencucuk dan atau membubuh tanda pada gambar pasangan calon pemimpin daerah, merupakan sebuah cara untuk sampai kepada suatu tujuan ia itu memilih pemimpin daerah.

Dalam pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau pula telah mengguna pakai metod pemilihan pemimpin dipilih secara langsung oleh rakyat. Alasan penggunaan metod ini adalah didasari atas ketidakpercayaan masyarakat terhadap anggota DPRD masa itu tahun 1999 sehingga tahun 2004. Majoriti mereka memilih pemimpin daerah didasari kepentingan material, sehingga untuk mencapai tujuan tersebut mereka berbuat perbuatan tercela seperti *money politik*, *mark up* suara, pemalsuan identiti calon.¹⁰⁷ Pandangan Islam terhadap pemilihan pemimpin daerah secara langsung dari masyarakat adalah amalan yang tidak bercanggahan dengan ajaran Islam. Apatah lagi dalam sejarah kepimpinan khulafa al-Rashidun, khalifah dicalonkan oleh tokoh dan petinggi umat Islam pada masa itu dan pemilihan itu diserahkan kembali kepada masyarakat untuk berbai'ah, menyatakan kesetianya untuk dipimpin oleh khalifah yang dipilihnya. Dengan keadaan realiti semasa, di mana Anggota DPRD kabupaten tidak lagi boleh dipercayai masyarakat, untuk mewakili mereka dalam pemilihan pemimpin daerah. Kerana anggota DPRD semasa itu minimum moral/ akhlaq mulia dan boleh mengabaikan kepentingan

¹⁰⁶ Muhammad Sa'id al-'Ansymawi (1992), loc. cit. Lihat juga al-Bukhari (t.t) Matn al-Bukhari Maskul bi Hasiyat as-Sanad T.T.P: Da Ihya al-Kutub al-'Arabiyah., Jilid ke-6, h. 2634

¹⁰⁷ Prof. Drs. HAW. Widjaja (2003), *Titik Berat Otonomi Pada Daerah Tingkat II*. Cet. V, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 2

masyarakatnya. Oleh sebab itu untuk menghindari hal yang boleh mendatangkan mudharat bagi masyarakat maka metod pemilihan pemimpin secara langsung dari masyarakat adalah salah satu metod boleh diguna pakai untuk kemaslahatan masyarakat daerah..

iii. Penyelesaian Sengketa

Pada pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010 terdapat beberapa permasalahan yang diajukan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau terkait sengketa yang dialamatkan kepada penyelenggara iaitu KPUD Kab. Berau dan pasangan calon pimpinan daerah Kabupaten Berau No. urut 1 Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM, yang berujung dengan putusan Mahkamah Konstitusi. Sengketa tersebut diajukan pasangan calon pemimpin daerah dengan No. urut 2 pasangan calon pemimpin daerah H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah. Dalam hal ini KPUD Kab. Berau memberikan masa waktu 3 hari untuk diselesaikan di KPUD Kab. Berau dan apabila tidak menemukan jalan keluar maka di selesaikan di Mahkamah Konstitusi selama 30 hari iaitu daripada sejak tarikh 17 Julai 2010 sampai dengan tarikh 5 Ogos 2010. Pasangan calon No. urut 2 H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah, telah mendaftarkan gugatannya pada tarikh 16 Julai 2010.¹⁰⁸

Sengketa yang diajukan pihak pasangan calon pemimpin daerah No. urut 2, H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah kepada Mahkamah Konstitusi berkaitan dengan permohonan perselisihan hasil pemilihan umum pemimpin daerah

¹⁰⁸ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

Kabupaten Berau tahun 2010 yang meliputi adanya indikasi pelanggaran pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau sebagai berikut:¹⁰⁹

1. KPUD Kab. Berau lalai dengan tidak membubuhkan tarikh pada Sertifikat Rekapitulasi Penghitungan Suara pemilihan umum pemimpin daerah kabupaten Berau tahun 2010.
2. KPUD kab. Berau secara sengaja dan melawan hukum telah membiarkan Pasangan Calon No. urut 1 mengikutsertakan dalam tim kempennya daripada unsur Pegawai Negri Sipil dan pemerintahan desa.
3. Terjadinya Praktek politik uang (Money Politic)
4. Terdapat Daftar Pemilih Tetap tanpa memiliki No. Induk Kependudukan sebanyak 14.534 yang tersebar di 13 Kecamatan di Kabupaten Berau.

Daripada hasil pemeriksaan sengketa tersebut di Mahkamah Konstitusi, Mahkamah Konstitusi memutuskan dengan No.: 119/PHPU.D-VIII/2010, dengan amar putusan menolak permohonan pasangan calon pemimpin daerah No. urut 2 H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah untuk seluruhnya.¹¹⁰

Dengan selesainya sengketa di Mahkamah Konstitusi, maka pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau tahun 2010 No. urut 1 Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM, boleh disahkan dan ditetapkan menjadi pasangan pemimpin daerah Kabupaten Berau periode tahun 2010-2015. Pasangan calon pemimpin daerah No. urut 2 H. Soehartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah menyatakan menerima akan putusan Mahkamah Konstitusi atas sengketa pemilihan pemimpin daerah Kabupaten Berau dan mereka mengucapkan selamat atas

¹⁰⁹ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

¹¹⁰ Putusan Mahkamah Konstitusi No. 119/PHPU.D-VIII/2010 tarikh 13 Ogos 2010

kemenangan pasangan calon Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Rifai, MM sebagai pasangan pemimpin daerah Kabupaten Berau Periode 2010-2015.¹¹¹

Daripada huraian di atas yang berkaitan dengan pengambilan undi daripada masyarakat Kab. Berau dan penghitungan hasil undi oleh masyarakat Kab. Berau serta penyelesaian sengketa/permasalahan yang timbul disebabkan kecurangan dalam pengambilan dan penghitungan undi. Pandangan Islam berkaitan dengan hal tersebut di atas tidak bercanggahan, bahkan dengan pengambilan undi daripada masyarakat Kab. Berau dengan menusuk salah satu gambar pasangan calon adalah metod yang baru. Pada masa Islam klasik kaum muslim untuk menentukan undi terhadap pemimpinnya masih dilakukan dengan berjabat tangan dengan pemimpin yang dipilihnya hal ini dilakukan pada zaman Khulafa al-Rasyidin. Untuk zaman sekarang hal tersebut tidak memungkinkan dengan mempertimbangkan lokasi masyarakat yang menyebar di berbagai daerah dan untuk menjaga kerahasiaan antara pilihan pengundi satu dengan pengundi lainnya.

Adapun untuk menghasilkan suatu pemilu yang jujur dan boleh dipercayai masyarakat, maka sangat diperlukan penghitungan yang boleh terjaga keabsahan pemungutan undi tersebut. Oleh kerananya penghitungan undi harus dihitung disaksikan oleh saksi tiap pasangan calon dan pengawas independent untuk membetulkan apabila ada kesalahan dalam penghitungan. Sedangkan bagi pasangan calon pemimpin Kab. Berau yang menemukan tindakan yang boleh merugikan pasangan calon pemimpin lainnya, maka pasangan calon yang lain atau daripada pihak KPUD Kab. Berau boleh melaporkan kecurangan tersebut dan diselesaikan dalam satu persidangan di Mahkamah Konstitusi. Tentu sahaja hal ini tidak bercanggahan dengan pandangan Islam yang mana penghitungan undi dengan jujur

¹¹¹ Pos Kota Kaltim, Tarikh 20 Ogos 2010, "Makmur-Rifai Terpilih untuk ke-dua Kali setelah Putusan MK" Lihat Juga Metro Kaltim, 21 Ogos 2010, "Ketua Tim kempen Solusi Terima Putusan MK".

dan penyelesaian sengketa pemilihan pemimpin kabupaten Berau adalah suatu cara untuk memperoleh pemilihan pemimpin yang baik dan memperoleh pengiktirapan daripada masyarakat Kab. Berau.

4.3.3. Tahap Pengesahan dan Penetapan Pemimpin Daerah

KPUD Kab. Berau setelah memperoleh salinan putusan Mahkamah Konstitusi tarikh 13 Ogos 2010, KPUD Kab. Berau memaparkan surat tarikh 14 Ogos 2010 perihal, memaparkan hasil pemilihan umum pemimpin daerah Kabupaten Berau kepada DPRD Kabupaten Berau, Bupati, Gabenor dan Menteri Dalam Negri. Laporan tersebut ditandatangani oleh ketua KPUD Kab. Berau.

Pada tarikh 16 Ogos 2010 Ketua DPRD Kab. Berau mengirimkan surat kepada Gabenor dan Menteri dalam Negri perihal usulan pasangan Bupati dan Wakil Bupati Kabupaten Berau¹¹². Pada tarikh 18 Ogos 2010 Gabenor Kalimantan merespon surat tersebut dengan mengirimkan surat kepada Menteri dalam Negri perihal usulan pengesahan, pengangkatan pasangan calon terpilih Bupati dan Wakil Bupati Berau masa jabatan tahun 2010-2015.¹¹³

Dengan surat yang kirimkan Gabenor Kalimantan Timur kepada Menteri Dalam Negri, maka pada tarikh 31 Ogos 2010, Menteri Dalam Negri menerbitkan surat dengan No.: 131.64 – 631 tahun 2010 dan No.: 132.64 – 632 tahun 2010 perihal keputusan menteri tentang pengesahan pemberhentian dan pengesahan pengangkatan Bupati dan Wakil Bupati Berau Provinsi Kalimantan Timur.¹¹⁴

Dengan diterbitkannya surat Menteri Dalam Negri tersebut, Bupati dan wakil Bupati Terpilih, secara yuridis formil boleh dilantik menjadi Bupati dan Wakil

¹¹² Surat Ketua DPRD kab. Berau No. 170/356/DPRD.IV/VII/2010 tarikh 16 Ogos 2010

¹¹³ Surat Gabenor Kalimantan Timur No. 131/7600/Pem.A/2010 tarikh 18 Ogos 2010

¹¹⁴ Surat Keputusan Menteri Dalam Negri No. 131.64 – 631 tahun 2010 dan No. 132.64 – 632 perihal Pengesahan pemberhentian dan pengesahan pengangkatan Bupati dan Wakil Bupati Berau Kalimantan Timur tangga 31 Ogos 2010.

Bupati Kabupaten Berau periode 2010-2015, dan pelantikannya diadakan pada tarikh 15 September 2010 bertepatan dengan waktu berakhirnya masa kepemimpinan bupati dan wakil bupati Kab. Berau periode 2005-2010. Untuk peresmian pelantikan Bupati dan Wakil Bupati terpilih periode 2010-2015 diadakan dalam sidang paripurna DPRD Kab. Berau dan Gabenor Kalimantan Timur sebagai perwakilan menteri dalam negeri melantik Pasangan Pemimpin Daerah Kabupaten terpilih Drs.H. Makmur HAPK, MM dan Ir.H. Ahmad Rifai, MM masing-masing sebagai Bupati dan Wakil Bupati terpilih periode 2010-2015.¹¹⁵

Dalam sejarah Islam pemimpin-pemimpin dibawah Khalifah diangkat dan dilantik oleh Khalifah seperti pengangkatan Wazir Tafwid dan Wazir Tanfidh adapun pelaksanaan pelantikan wazir dilantik secara sama ada secara lisan atau melalui pelantikan bertulis.¹¹⁶ Dalam pelantikan pasangan calon pemimpin Kabupaten Berau terpilih yang mana ia dilantik oleh gubernur adalah tindakan yang tidak bercanggahan dengan amalan Islam. Pemimpin Kabupaten Berau secara kedudukan birokrasi sebagai pemimpin dibawah pimpinan gubernur dan dalam hal ini gubernur bertindak sebagai perwakilan pemerintahan pusat untuk melantik.

4.4. Kesimpulan

Dengan terbitnya Undang-undang 32 tahun 2004 tentang pemerintahan daerah, Kabupaten Berau telah melaksanakan pemilihan pemimpin sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2005 dan 2010. Pada tahun 2005 pemilihan pemimpin hanya diikuti oleh pasangan calon pemimpin yang dicalonkan oleh parti politik dan gabungan parti politik yang memiliki kursi di DPRD Kab. Berau sebanyak 15%. Sedangkan pada

¹¹⁵ Hasil Temu Bual Bersama Mikratina, M.Pd, Wakil Ketua KPUD Kab. Berau tarikh 1 November tahun 2010

¹¹⁶ Abdul Malek A. Al-Sayed (1995), *Etika Sosial Dalam Islam*. Syed Putra Syed Ahmad (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 135

tahun 2010, setelah adanya perbaikan Undang-undang 32 tahun 2004 tentang pemerintahan daerah iaitu dengan digubalnya Undang-undang 12 Tahun 2008 tentang perbaikan terhadap Undang-undang 32 Tahun 2004 tentang pemerintahan daerah, maka calon perseorangan diperbolehkan untuk mencalonkan sebagai pasangan calon pemimpin daerah dengan memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan.

metod menentukan pasangan calon yang boleh menjadi peserta pemilihan pemimpin Kabupaten Berau adalah seperti berikut:

- a. Disokong oleh parti politik atau gabungan parti politik yang memperoleh minimum jumlah kerusi 15% (lima belas peratus) di DPRD Kabupaten Berau atau minimum sebanyak 4 kerusi dalam pemilihan umum Anggota DPRD Kabupaten Berau tahun 2009. Pasangan calon yang menggunakan metod ini adalah pasangan pemimpin Kabupaten Berau atas nama Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Achmad Rifai, MM. dengan sokongan kerusi di DPRD Kabupaten Berau sebanyak 20 kerusi yang terdiri daripada gabungan parti politik.

$$\frac{\text{Suara Parpol A} + \text{Suara Parpol B}}{\text{Akumulasi Suara Sah}} \times 100 \geq (15\% \times \text{Akumulasi Suara Sah})$$

- b. Disokong oleh parti politik atau gabungan parti politik yang mendaftarkan pasangan calon pemimpin daerah Kabupaten Berau yang memperoleh akumulasi minimum suara sah 15 % daripada hasil pemilihan umum Anggota DPRD Kabupaten Berau tahun 2009, iaitu sebanyak 10 854 suara sah yang terhitung. Pasangan calon yang menggunakan metod ini adalah pasangan pemimpin Kabupaten Berau atas nama H. Suhartono Soetjipto, SE dan H. Liliyansyah dengan sokongan suara gabungan parti politik sebanyak 12 709

suara sah. Contoh rumusan cara penghitungan gabungan suara sah parti politik adalah:¹¹⁷

$$\frac{A + B}{72.362 \text{ Suara}} \times 100\% \geq 10.854 \text{ Suara Sah}$$

- c. Atau melalui jalur perseorangan (individu) di mana pasangan calon pimpinan daerah Kabupaten Berau harus memperoleh sokongan langsung daripada masyarakat Kabupaten Berau sebanyak 6.5% daripada jumlah masyarakat Kabupaten Berau yang berjumlah 174.661 orang. Rumus cara penghitungannya adalah:

$$\text{Jumlah Masyarakat Kab. Berau} \times 6,5\% = \text{Suara Minimal Sokongan}$$

$$174.661 \text{ Masyarakat Berau} \times 6,5\% = 11.304 \text{ Suara}$$

Jumlah minimum sokongan yang harus dipenuhi calon individu adalah sebanyak 11 304 suara. Untuk itu calon pimpinan daerah yang menempuh pencalonannya melalui jalur perseorangan berkewajipan untuk memenuhi surat sokongan yang ditandatangani oleh penyokongnya dengan melampirkan foto kopi pengenalan diri Kartu Tanda Penduduk (KTP) atau surat keterangan lainnya minimum sebanyak 11 304 surat sokongan daripada masyarakat Kabupaten Berau. Jumlah sokongan tersebut harus tersebar di lebih 50% daripada 13 kecamatan di Kabupaten Berau. Pasangan calon yang menggunakan metod ini adalah pasangan pemimpin Kabupaten Berau atas

¹¹⁷ Keputusan Komisi Pemilihan Umum Kabupaten Berau Nombor: 08/KPTS/021.436141/2010

nama H. Hendry Gunawan, SH., dan Amir Husin, S.Pd., MM dengan mengumpulkan surat sokongan sebanyak 14 192 surat sokongan.

Pasangan calon terpilih adalah pasangan calon pemimpin Kabupaten Berau yang mana memperoleh suara sah nya melebihi 50 % daripada jumlah pemilih sah. Daripada hasil penghitungan undi di KPUD Kabupaten Berau Pasangan No. urut 1, pasangan Drs. H. Makmur HAPK, MM dan Ir. H. Ahmad Riafai, MM adalah pasangan yang memperoleh jumlah undi sebanyak 65% dan merekalah yang menjadi pemimpin Kabupaten Berau untuk masa jawatan kepimpinan sejak tahun 2010 sehingga tahun 2015.

**Daftar Hasil Pemilihan Pemimpin Kabupaten Berau
Tahun 2010**

Kecamatan	Nombor Urut Pasangan Calon			Suara Sah	Suara Tidak Sah	Jumlah
	1	2	3			
Tanjung Redeb	16.956	8.127	983	26.066	389	26.455
Gunung Tabur	5.417	1.459	284	7.160	101	7.261
Teluk Bayur	5.123	2.835	450	8.408	481	8.889
Sambaliung	7.378	3.450	434	11.262	127	11.389
Kelay	1.636	504	75	2.215	82	2.297
Segah	2.802	1.536	180	4.518	66	4.584
Pulau Derawan	2.515	1.274	216	4.005	24	4.029
Maratua	1.022	381	144	1.547	9	1.556
Tabalar	1.691	943	73	2.707	26	2.733
Biatan	1.211	1.237	73	2.521	24	2.545
Talisayan	2.657	1.724	164	4.545	26	4.571
Batu Putih	1.996	882	86	2.964	83	3.047
Biduk-biduk	1.787	738	112	2.635	30	2.665
Jumlah	52.191 (65%)	25.088 (31%)	3.274 (4%)	80.553	1.468	82.021

Sumber: Komisi Pemilihan Umum Daerah Kab. Berau

Dalam kajian ini, tidak semestinya pasangan calon yang disokong oleh masyarakat secara langsung yang dibuktikan melalui tandatangan dalam surat sokongan dengan mel.etakkan identiti peribadi akan memperoleh suara sama atau lebih daripada surat sokongan tersebut. Ini dapat dilihat pada pasangan perseorangan

yang mendapat sokongan di awal pendaftaran di KPUD Kab. Berau yang memperoleh sokongan seramai 14.192 sokongan, akan tetapi pada masa pengundian ia hanya memperolehi sokongan undi seramai 3.274 pengundi.

Metod penentuan pasangan calon pemimpin Kabupaten Berau yang diaplikasikan tersebut tidak bercanggahan dengan metod penentuan calon pemimpin yang dilaksanakan pada zaman khulafa al-Rasidin. Hak untuk mencalonkan ini di samping dimiliki oleh khalifah, turut dimiliki oleh setiap individu Muslim. Inilah metod pemilihan pemimpin yang difahami oleh para sahabat Rasulullah dan fuqaha Islam. Dalam pemberian kekuasaan kepada Abu Bakr sebagaimana yang diketahui, telah didahului oleh adanya saling mendahului antara Abi 'Ubaidah bin Jarrah dan 'Umar bin Kattab untuk membai'at sehingga pertikaian antara Muhajirin dan Anshar tidak meruncing. Akan tetapi kekuasaan Abu Bakr tidak tertegak hanya semata-mata dengan kejadian ini kerana apa yang dilakukan oleh kedua-dua tokoh tersebut hanya setakat peringkat pencalonan mereka kepada Abu Bakr sebagai khalifah. Kekuasaan Abu Bakr hanya tertegak setelah adanya bai'at umum daripada kalangan kaum Muslimin yang dianggap tokoh umat yang berpengaruh (Ahl al-hall wa al-aqd).¹¹⁸

Islam membenarkan amalan berkempen dengan syarat ia mesti memenuhi dua prinsip utama iaitu prinsip jujur dan benar ketika berhubungan dengan orang lain dan prinsip moral di dalam aktiviti kempen. Islam juga tidak menghalang penggunaan dana kempen bagi pemilihan pemimpin di Kabupaten Berau sekiranya terdapat perbelanjaan yang sememangnya diperlukan untuk kelancaran pemilihan pemimpin daerah tersebut.

¹¹⁸ Muhammad Yusuf Musa (1963), *Nidzam al-Hukm fi al-Islam*. Kohiro: (T.T), h. 83